




DARIPADA 'Aisyah Radiallahuanha, dia berkata : "Bahaha adalah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam apabila masuk sahaja 10 yang terakhir di bulan Ramadan, Baginda mengikat pinggangnya kerana bersungguh-sungguh untuk melakukan amal ibadat dan Baginda menghidupkan malamnya dengan membangunkan keluarganya".
- (Hadis Riwayat Imam Al-Bukhari)

TITAH PERUTUSAN TAHNIAH SEMPENA HARI PAKISTAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Asif Ali Zardari dan Perdana Menteri Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Muhammad Shehzad Sharif.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Asif Ali Zardari dan

Perdana Menteri Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Muhammad Shehzad Sharif, kerajaan serta rakyat Republik Islam Pakistan bersempena dengan Hari Pakistan.

Istana Nurul Iman akan dibuka bagi Majlis Junjung Ziarah

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Mac. - Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Mulia Pemangku Grand Chamberlain mengumumkan bahawa sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1446

Hijrah, Istana Nurul Iman akan dibuka selama dua hari iaitu Hari Raya Kedua dan Hari Raya Ketiga.

>> Muka 3

Meruayah anak bulan Syawal, 30 Mac ini

■ Siaran Akbar : Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Mac. - Sebanyak lima lokasi telah dipilih bagi penglihatan anak bulan Ramadan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi seluruh negara pada petang Ahad, 29 Ramadan 1446H bersamaan 30 Mac 2025M.

Menurut Siaran Akbar Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Hakim-hakim Syarie dan pegawai-pegawai Mahkamah-mahkamah Syariah, Jabatan

Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama pegawai-pegawai dari Jabatan Urus, Kementerian Pembangunan akan berada di tempat-tempat yang telah ditetapkan untuk meruayah (melihat anak bulan Syawal 1446H) adalah seperti berikut iaitu Bangunan Mutiara Exchange, Lebuhraya Tungku, Daerah Brunei dan Muara; Taman Rekreasi Tanjung Batu, Kampung Sabun, Pekan Muara, Daerah Brunei dan Muara; Bukit Agok, Jerudong,

Daerah Brunei dan Muara; Bangunan Hilal Bukit Ambog, Daerah Tutong dan Bangunan Hilal Bukit Lumut, Daerah Belait.

Berikut dengan itu, pengumuman 1 Syawal (awal Syawal) bagi Tahun 1446H / 2025M akan disiarkan melalui Radio Televisyen Brunei (RTB) sebaik sahaja rukyah pada petang berkenaan diperoleh melalui pemakluman yang dilakukan melalui siaran RTB.

Orang ramai adalah diminta memberikan kerjasama supaya tidak mendekati tempat-tempat berkenaan.

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

f Pelita Brunei @ pelitabrunei X pelitabrunei

Berita Utama



MOFE semarakkan Nuzul Al-Quran

Muka 6



PELUANG belia, masyarakat mencebur ke dalam keusahawanan

Muka 10



TANAMKAN nilai keimanan, ukhuwah di bulan Ramadan

Muka 18



RENCANA
KESAN awal kanser kolorektal melalui saringan

Muka 21

SEMARAKKAN SUASANA MASJID DENGAN AKTIVITI KEAGAMAAN

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



JERUDONG, Ahad, 23 Mac. - Bagi memupuk semangat cinta kepada Al-Quran dan beramal dengannya di samping mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan ahli kumpulan belia masjid seluruh negara lebih-lebih lagi pada bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, Majlis Bertadarus di masjid-masjid seluruh negara terus dilaksanakan bagi memeriahkan lagi bulan keagungan ini.

Bahagian Hal Ehwal Belia, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Ahli Jawatankuasa Takmir dengan kerjasama Kumpulan Belia Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong mengungkapayahkan Majlis Khatam Al-Quran Kumpulan Belia dan Belianis Masjid Seluruh

Negara bersempena dengan Tadarus Al-Quran di bulan Ramadan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi, kelmarin dan diteruskan dengan Tahlil bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis pada majlis yang diadakan di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran Kumpulan Belia dan Belianis Masjid Seluruh Negara bersempena dengan Tadarus Al-Quran di bulan Ramadan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi (kanan), manakala gambar kiri dan bawah kanan, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.

Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Penasihat Ahli Jawatankuasa Takmir, Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong, Dato Paduka Haji Abdul Razak bin Haji Mohammad; pengarah-pengarah, para pegawai kanan dan kakitangan dari KHEU, Kumpulan-kumpulan Belia dan Belianis Masjid seluruh negara serta penduduk-penduduk kampung di sekitarnya.

Antara lain tujuan majlis seumpama ini diadakan adalah untuk menyemarakkan suasana masjid-masjid di seluruh negara dengan aktiviti-aktiviti keagamaan di samping mendorong para belia dan belianis untuk membiasakan diri berdamping dan membaca Al-Quran pada setiap masa lebih-lebih lagi di bulan Ramadan yang mulia ini.



WAKTU SEMBAHYANG

MAC MASTI	HARI	RAMADAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
24	ISNIN	23	4.56	5.06	6.23	6.45	12.28	3.33	6.30	7.39
25	SELASA	24	4.55	5.05	6.22	6.45	12.27	3.32	6.30	7.39
26	RABU	25	4.55	5.05	6.22	6.44	12.27	3.31	6.30	7.39
27	KHAMIS	26	4.54	5.04	6.21	6.44	12.27	3.30	6.30	7.39
28	JUMAAT	27	4.54	5.04	6.21	6.43	12.26	3.29	6.30	7.39
29	SABTU	28	4.53	5.03	6.21	6.43	12.26	3.28	6.30	7.39
30	AHAD	29	4.53	5.03	6.20	6.42	12.26	3.27	6.29	7.39

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan		
30 24 °C	31 25 °C	31 25 °C
Pekan Bangar		
30 24 °C	32 24 °C	32 22 °C
Pekan Tutong		
30 24 °C	31 24 °C	31 24 °C
Kuala Belait		
30 24 °C	31 24 °C	31 24 °C
Wallahualam Bissawab	www.met.gov.bn	
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منتری دان ڈچیتو اوله فرینت قلس سندیرین بحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

SIDANG PENGARANG

24 MAC 2025

Bersedekah amalan terpuji

BULAN Ramadan adalah merupakan bulan istimewa di mana Allah Subhanahu Wata'ala melipatgandakan segala amal kebaikan yang kita lakukan. Salah satu cara untuk meraih keuntungan besar daripada bulan Ramadan adalah melalui sedekah. Umat Islam dianjurkan untuk memperbanyakkan sedekah pada bulan-bulan lain dan mempergiatkan lagi amalan bersedekah pada bulan Ramadan.

Salah satu fatidat bersedekah ialah menghapuskan dosa. Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Sedekah dapat menghapus dosa sebagai mana air memadamkan api". (Hadis Riwayat Tirmidzi, disahihkan Al-Albani dalam Shahih At-Tirmidzi, 614)

Hadis ini jelas membuktikan bahawa sedekah itu dapat menghapuskan dosa lebih-lebih lagi pada bulan Ramadan di mana segala amalan dilipatgandakan pahalanya.

Dengan bersedekah juga akan dapat mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan memperbanyakkan sedekah kita juga akan dapat merasakan nikmat Allah Subhanahu Wata'ala. Secara tidak langsung, bersedekah menanamkan sifat tawaduk, rendah hati dan sedar diri bahawa apa yang kita miliki bukan hak kita sepenuhnya. Dan, apa yang kita dapat hari ini adalah hasil daripada pertolongan Allah Subhanahu Wata'ala, bukan usaha kita semata-mata.

Keikhlasan dalam bersedekah tanpa mengharapkan balasan pasti akan mendapat ketenangan dan kelapangan hati. Selain itu, sedekah juga membuka pintu keberkatan dan pintu rezeki. Rezeki bukan sahaja dalam bentuk material, namun kelapangan hati juga salah satu rezeki yang tidak ternilai.

Alhamdulillah, di negara kita amalan bersedekah pada bulan puasa sudah menjadi kelaziman bagi mereka yang berkemampuan terlebih lagi bersedekah kepada anak-anak yatim. Banyak acara serta majlis diadakan semata-mata untuk anak-anak yatim yang juga diseluruh dengan bersedekah memberi makan kepada mereka yang berpuasa. Amalan memberi makan adalah amat digalakkan terutamanya kepada mereka yang fakir miskin dan anak yatim.

Selain bersedekah wang ringgit kepada anak-anak yatim dan orang yang memerlukan bantuan, bersedekah dengan menyediakan makanan berbuka buat orang yang berpuasa akan mendapat pahala seperti orang yang berpuasa itu dan tidak dikurangkan sedikit pun daripada pahala orang yang berpuasa itu. Kelaziman seperti ini sering kita lihat di masjid-masjid dan surau-surau di negara ini. Secara tidak langsung ini dapat mengukuhkan serta mengeratkan ukhuwah sesama umat Islam tanpa mengira bangsa lebih-lebih lagi pada bulan Ramadan ini.

Tidak lama lagi kita akan menyambut Hari Raya dan setentunya ini merupakan hari yang sangat dinantikan terutama sekali kanak-kanak setelah berpuasa di bulan Ramadan. Justeru berbagi kegembiraan dalam meraikan Hari Raya, bersedekah kepada anak-anak yatim serta orang yang tidak mampu adalah satu perbuatan yang terpuji.

Marilah kita bersama-sama menyemarakkan bulan Ramadan ini dengan sedekah dan amal kebaikan. Semoga ia menjadi saham untuk kita di akhirat kelak. InsyaaAllah.

- Ketua Penyuntingan (Ri)

BKISHHB anjur Majlis Khatam Al-Quran



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II ketika hadir pada Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di Dewan Auditorium Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan seterusnya menyampaikan sumbangan derma (atas dan kanan) manakala gambar bawah kanan, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Mac. - Majlis-majlis keagamaan khususnya Majlis Khatam Al-Quran terus dipergiatkan lagi pada bulan suci ini lebih-lebih lagi memasuki 10 malam terakhir Ramadan.

Dalam merebut ganjaran pahala dan keberkatan pada bulan yang mulia ini, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), Jabatan Perdana Menteri (JPM) lewat petang tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi Tahun 1446 Hijrah bersamaan 2025 Masih, bertempat di Dewan Auditorium BKISHHB.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejor Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengurus Lembaga Penasihat BKISHHB.

Hadir sama ialah Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Timbalan

Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos dan Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-undang) JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu selaku Ahli-ahli Lembaga Penasihat BKISHHB.

Majlis Khatam Al-Quran dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah dipimpin oleh tetamu kehormat, diikuti dengan bacaan Surah Adh-Dhuha hingga Surah An-Nas beramai-ramai.

Sementara itu, Doa Khatam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik Kampung Tungku / Katok, Awang Aiman Hafizunizam bin Mohd. Zameerol.

Majlis turut diimarahkan lagi dengan laungan Selawat Tafrijiyah beramai-ramai sebanyak tiga kali sebelum ditutup dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam

dipimpin oleh Awang Aiman Hafizunizam.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II turut menyempurnakan penyampaian derma kepada dua warga BKISHHB.

Para jemputan kemudian dijemput untuk berbuka puasa dan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



seterusnya beredar ke Surau BKISHHB untuk menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Awang Aiman Hafizunizam.

Tahun ini adalah kali ketiga BKISHHB mengadakan Majlis Iftar bersama Ahli-ahli Lembaga

Penasihat BKISHHB di samping Majlis Khatam Al-Quran tahunan pada bulan Ramadan, bertujuan untuk menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang Mubarak di samping mendapatkan ganjaran pahala serta keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pemangku Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran, Khatam Al-Quran dan Penyampaian Sumbangan Derma Kepada Anak-anak Yatim sempena bulan Ramadan (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Mac. - Kementerian Kesihatan mengadakan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran, Khatam Al-Quran dan Penyampaian Sumbangan Derma Kepada Anak-anak Yatim sempena bulan Ramadan, bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Majlis berkenaan merupakan anjuran bersama Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar dan Jabatan Perkhidmatan Renal.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri di

Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejor Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pemangku Menteri Kesihatan.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh juara qari Pertandingan Bacaan Al-Quran Kementerian Kesihatan, Awangku Ahmad Fathurrahman Nur Firdaus bin Pengiran Haji Hassanuddin.

Kemudian, majlis diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah oleh tetamu kehormat majlis kepada 34 anak yatim yang terdiri daripada

dengan bacaan Khatam Al-Quran beramai-ramai yang dipimpin oleh Ketua Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Awang Ahmad Syujaie bin Begawan Mudim Haji Matassim.

Majlis disusuli dengan bacaan Doa Khatam Al-Quran oleh Ketua Guru Ugama, Jabatan Perkhidmatan Renal, Awang Haji Mohammad Azmi bin Haji Tapau, diikuti dengan laungan Dikir Marhaban.

Seterusnya, majlis diteruskan dengan penyampaian sumbangan derma yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis kepada 34 anak yatim yang terdiri daripada

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

anak-anak warga Kementerian berkenaan ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan) Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Md. Khalifah bin Pengiran Haji Ismail; ketua-ketua jabatan berserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.

Majlis diakhiri dengan Doa Selamat dan Doa Peliharakan Sultan oleh Ketua Guru Ugama, Jabatan Perkhidmatan Renal.

Turut hadir pada majlis

berkenaan ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan) Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Md. Khalifah bin Pengiran Haji Ismail; ketua-ketua jabatan berserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.

KEMENTERIAN KESIHATAN RAIKAN ANAK-ANAK YATIM



SEMARAKKAN BULAN RAMADAN, MEMOHON KEBERKATAN DARIPADA ALLAH

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Muhammad Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Mac. - Lebih daripada 50 orang terdiri daripada mantan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta Besar serta mantan pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri menghadiri Majlis Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil yang diadakan di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, di sini.

Majlis berkenaan adalah khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pemangku Menteri Kesihatan mengetui rombongan pada Majlis Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil yang diadakan di Kubah Makam Diraja.

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Hadir mengetui rombongan berkenaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pemangku Menteri Kesihatan.

Acara tersebut antara lain merupakan salah satu aktiviti keagamaan bagi menyemarakkan bulan Ramadan dan memohon keberkatan, keredaan serta rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.



Kementerian Pertahanan santuni anak yatim

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hasif Matzin

GADONG, Sabtu, 22 Mac. - Dalam menyemarakkan keberkatan bulan suci Ramadan, Kementerian Pertahanan menganjurkan Majlis Sentuhan Kasih Ramadan bagi menyantuni 180 anak yatim dalam kalangan warga Kementerian Pertahanan, yang diadakan serentak di tiga buah daerah.

Tumpuan utama majlis diadakan di The Rizqun International Hotel bagi penerima dari Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian sumbangan derma pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir, para pengarah, pegawai-pegawai kanan serta warga Kementerian Pertahanan. Manakala di Daerah Tutong dan Belait masing-masing disampaikan oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejai Jeneral Dato Paduka Seri



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sentuhan Kasih Ramadan.

Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin.

Sumbangan tersebut adalah hasil kutipan daripada Tabung Kebajikan ABDB, Persatuan Kebajikan Isteri (BAKTI) ABDB,

sumbangan daripada warga Kementerian Pertahanan dan surau-surau perkhemahan ABDB.

Usaha ini bertujuan untuk mengongsikan kegembiraan Hari Raya Aidilfitri dan meringankan beban anak-anak yatim dalam membuat persiapan menjelang

hari keraian ini.

Majlis tahunan Sentuhan Kasih Ramadan adalah sebahagian daripada aktiviti kemasyarakatan kementerian yang mencerminkan komitmen Kementerian Pertahanan dalam menerapkan nilai keprihatinan dan semangat perpaduan dalam kalangan warganya.

Dalam semangat yang sama, program ini turut berperanan dalam memelihara kebajikan keluarga warga kementerian yang telah kembali ke rahmatullah serta memperkuatkan ikatan kemuafakatan dan kasih sayang dalam kalangan institusi.



PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- Kelulusan Pendidikan Tinggi**
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PhD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- Kelulusan Pendidikan Menengah**
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- Tamat Persekolahan**
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja



PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- Maklumat Peribadi**
Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- Maklumat Lesen Memandu**
- Kelulusan Pendidikan Tinggi**
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- Kelulusan Pendidikan Menengah**
- Tamat Persekolahan**
(Sijil berhenti Sekolah)



ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

BARU

PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- Pengalaman Kerja Kerajaan**
memandakan "✓" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai laktiran kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mulai dalam tanda gaji / tanda gaji / nama jawatan yang betul
- Pengalaman Kerja Swasta**
- Pengalaman Kerja Beruniform**
- Pengalaman Bekerja Sendiri**
- Penempatan Kerja**
- Tidak Bekerja**

PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- Kelayakan Profesional**
- Peperiksaan Kesetiausahaan**
- Kemahiran Bahasa**
- Lain-Lain Kemahiran**

PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- Peperiksaan Kerajaan**
- Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)**
- Kursus Induksi Perkhidmatan Awam**
- Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)**
- Program Pembangunan Eksekutif**

MOFE SEMARAKKAN NUZUL AL-QURAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Memperingati Nuzul Al-Quran bagi Kementerian Kewangan dan Ekonomi (atas), manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis tersebut.

BERAKAS, Sabtu, 22 Mac. - pengajaran dan bimbingan dalam menghadapi berbagai-bagai tantangan hidup.



Jika kita berpandukan Al-Quran dan As-Sunnah, ke mana pun kehidupan yang kita jalani pasti Allah Subhanahu Wata'ala turunjukkan jalan.

Untuk itu, Al-Quran bukan hanya untuk dibaca malah umat Islam diseru untuk mentadabbur, menghayati dan merenung setiap ajaran yang terkandung dalam Al-Quran itu agar dapat mengambil hikmah dan pengajaran daripada setiap ayat-Nya.

Demikian antara inti pati Ceramah Khas bertajuk 'Jangan Tinggalkan Al-Quran' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Ketua Dakwah Daerah Belait, Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapa pada Majlis Memperingati Nuzul Al-Quran bagi Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) yang diselajurkan dengan penyampaian derma kepada anak-anak yatim serta penyampaian hadiah bagi Pertandingan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran bertempat di Dewan Teater, Bangunan MOFE, Commonwealth Drive, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid dan Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani.

Majlis juga dihadiri oleh Setiausaha Tetap,

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

Pemangku-pemangku Setiausaha Tetap, Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan MOFE serta jabatan-jabatan di dalamnya.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II juga menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang - pemenang Pertandingan Membaca Al-Quran terdiri daripada pegawai dan kakitangan MOFE serta jabatan-jabatan di dalamnya bagi Tahun 2025. Sesi saringan pertandingan ini telah diadakan pada 20 Februari 2025 yang lepas.

Johan qari bagi pertandingan tersebut disandang oleh Awang Abdul Wafiy bin Haji Ibrahim, wakil dari Pejabat Penerangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, naib johan diraih oleh Pengiran Haji Muhammad Ilyas bin Pengiran Haji Masri wakil dari Agensi Pelaburan Brunei dan tempat ketiga disandang oleh Awang Azis bin Haji Matali wakil dari Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED).

Manakala, johan qariah dimenangi oleh Dayang Noraimah binti Napiah wakil dari JKED, naib johan ialah Dayang Aqilah binti Haji Hassan wakil dari Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), manakala tempat ketiga diraih oleh Dayang Hajah Zuraidah binti Haji Awang Abdul Latip wakil dari Agensi Pelaburan Brunei.



CERAMAH Khas disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Ketua Dakwah Daerah Belait, Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapa.

Sementara itu, tempat keempat dan kelima masing-masing disandang oleh Dayang Satia binti Haji Tahir dari JKED dan Dayang Nurul Aziemah binti Hamidon dari JPES.

Acara diakhiri dengan penyampaian derma kepada 20 orang anak yatim yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis seumpama ini adalah salah satu aktiviti tahunan MOFE serta jabatan-jabatan di dalamnya dalam menggalakkan pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran di samping mengetengahkan bakat-bakat dalam antara kalangan pegawai dan kakitangan MOFE serta jabatan-jabatan di dalamnya. Majlis pada tahun ini diungkayahkan oleh Bahagian Teknologi Maklumat, MOFE.

KSSUP memperingati Nuzul Al-Quran



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir pada Majlis Memperingati Nuzul Al-Quran dan Majlis Penyampaian Derma Kepada Anak-anak Yatim Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi (atas dan atas kanan), manakala gambar bawah kanan, Ceramah Khas disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Mac. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) mengadakan Majlis Memperingati Nuzul Al-Quran dan Majlis Penyampaian Derma Kepada Anak-anak Yatim KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi di Dewan Setia Pahlawan, KSSUP, hari ini.

Hadir pada majlis tersebut ialah

Menyeri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah disusuli dengan Ceramah Khas bertajuk 'Hidupkan Ramadan Dengan Al-Quran' yang disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.

Kemudian majlis diteruskan dengan penyampaian derma kepada 53 anak yatim oleh tetamu kehormat dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Haji Awang Muhammad Najib.

Majlis seumpama ini adalah salah satu daripada aktiviti-aktiviti keagamaan tahunan yang diungkayahkan oleh KSSUP dan jabatan-jabatan di bawahnya pada bulan Ramadan.

Di samping memohon

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



keberkatan dan mendapatkan ganjaran pahala yang sebanyaknya pada bulan yang mubarak ini, majlis ini juga bertujuan bagi mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan kementerian serta menunjukkan sifat keprihatinan kepada anak-anak yatim yang terdiri daripada kalangan keluarga pegawai dan kakitangan di kementerian ini.

Turut hadir, Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan, ketua-ketua jabatan di bawah KSSUP.



Kehebatan, kemuliaan Al-Quran dalam pembinaan tamadun ummah

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN,
Sabtu, 22 Mac. - Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya, kelolaan Jabatan Buruh telah diadakan petang tadi, bertempat di Dewan Serbaguna, Tingkat 6,



Bangunan KHEDN, di sini.
Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Atur cara dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat majlis (kanan), manakala gambar bawah kiri, bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh qari jemputan, iaitu Awang Haji Mohammad bin Ali.

oleh qari jemputan, iaitu Awang Haji Mohammad bin Ali, johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 2020 dan 2022.

Manakala inti sari ayat dibacakan oleh Pegawai Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (Skippa), Jabatan Buruh, Dr. Muhammad Haziq bin Haji Shahjahan.

Acara turut diserikan lagi dengan Ceramah Khas sempena Sambutan Nuzul Al-Quran bertajuk 'Nuzul Quran Merubah Dimensi Kehidupan Mukmin' yang disampaikan oleh Pensyarah di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Dato' Dr. Haji Zulkifly bin Haji Muda.

Antara inti pati ceramah berkenaan ialah mengenai kehebatan dan kemuliaan penurunan Al-Quran dan



kesannya dalam pembinaan tamadun ummah serta penghayatan para sahabat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam terhadap Al-Quran.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Pegawai Pemantau Zon 4, Pejabat Hal Ehwal Masjid, Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Haji Mohammad Hafizuddin bin

Pengiran Haji Bakar.

Juga hadir ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dalam kalangan penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dari KHEDN, ketua-ketua jabatan, penghulu mukim dan ketua kampung serta pegawai-pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya.

MEMBANTU PROSES PENGAMBILAN PENGHULU MUKIM, KETUA KAMPUNG

BANDAR SERI BEGAWAN,
Sabtu, 22 Mac. - Majlis Pelancaran Rangka Kerja Kompetensi Sumber Manusia bagi Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung (Human Resource Competency Framework - HRCF PMKK) telah diadakan pada hari ini, bertempat di Dewan Serbaguna, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Pelancaran menampilkan tayangan mengenai HRCF PMKK yang antara lain memaparkan

mengenai kepentingan kompetensi yang ditetapkan bagi memastikan setiap penghulu mukim dan ketua kampung mempunyai kemahiran dan kebolehan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab selaku pemimpin akar umbi yang berperanan sebagai mata, telinga dan lidah kepada kerajaan dan peranan mereka kepada penduduk kampung dalam menjaga, memeduli serta mengawasi kepentingan, kesejahteraan, kebijakan dan keselamatan kampung.

Kompetensi - kompetensi berkenaan terbahagi kepada kompetensi teras (core),

kompetensi kepimpinan (*leadership*) dan kompetensi fungsi (*functional*). Selain itu, HRCF berkenaan akan dapat mengenal pasti jurang kompetensi setiap penghulu mukim dan ketua kampung bagi mengenal pasti program pengukuhan kapasiti yang diperlukan.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dalam kalangan penghulu mukim dan ketua kampung, Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya serta penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Objektif pelaksanaan HRCF PMKK berkenaan adalah antara lainnya bagi membantu dalam

proses pengambilan penghulu mukim dan ketua kampung berdasarkan kepada kompetensi, perancangan program latihan dan pembangunan kapasiti yang berstruktur dan pengurusan prestasi bagi memperkasa dan memastikan pemimpin akar umbi yang berkualiti.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa melancarkan Rangka Kerja Kompetensi Sumber Manusia bagi Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung di Dewan Serbaguna, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Hari itu dia berjalan buat kali terakhir.

Perempuan, lumpuh berusia 31 tahun



**Keselamatan Jalan Raya
bergantung kepada Awda dan Saya**

@ mkkjrbrunei | www.mkkjr.gov.bn

AKAL SIHAT BERTERASKAN AL-QURAN

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Mac. - Akal menurut pandangan Islam merujuk kemampuan intelektual manusia untuk berfikir, memahami, menganalisis dan membuat keputusan yang sesuai dengan hukum Allah.

Akal sihat berteraskan Al-Quran adalah akal yang dipandu dan dibimbing menurut syariat dan perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya.

Demikian antara isi Ceramah Khas bertajuk 'Akal Sihat Berlandaskan Al-Quran' yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas, Ketua Bahagian Imarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Fansuri Sharimi @Haji Mansur bin Mohamad Ali pada Majlis Sambutan Memperingati Nuzul Al-Quran bagi Peringkat Kementerian Pendidikan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi di Dewan Utama, Bangunan Baharu,

YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Memperingati Nuzul Al-Quran bagi Peringkat Kementerian Pendidikan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

Kementerian Pendidikan, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Majlis terlebih dahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Bahagian Kaunseling, Awang Haji Sammali bin Haji Adam.

Acara berkenaan merupakan salah satu aktiviti tahunan kementerian dalam sama-sama memperingati peristiwa bersejarah berkenaan dengan turunnya



ayat-ayat pertama kitab suci Al-Quran Al-Karim kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai wahyu daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis pada tahun ini diungkayahkan oleh Jabatan Perancangan dan Pengurusan

Estet, Bahagian Komunikasi Korporat dan Unit Undang-undang.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Pemangku Naib Canselor Universiti Teknologi

Brunei, Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat) Kementerian Pendidikan.

Memperkuuh keupayaan sistem amaran awal



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir pada Majlis Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah serta Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Selamat sempena memperingati Sambutan Hari Kaji Cuaca Sedunia 2025 (atas dan bawah kanan).

BERAKAS, Sabtu, 22 Mac. - Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) memperingati Sambutan Hari Kaji Cuaca Sedunia 2025 pada hari ini dengan mengadakan Majlis Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah serta Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Selamat di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB), di sini.

Majlis berkenaan dihadiri oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap MTIC, Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) MTIC, Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) MTIC, ketua-ketua eksekutif, pengarah-pengarah bahagian, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan MTIC, jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di

bawannya.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Selamat dipimpin oleh Imam Surau LTAB, Awang Haji Ashraf bin Haji Bujang.

Hari Kaji Cuaca Sedunia yang disambut setiap 23 Mac, merupakan acara tahunan yang mengiktiraf peranan penting kaji cuaca dan sains iklim dalam memperkuuh daya tahan global.

Sambutan pada tahun ini lebih bermakna dengan meraikan Ulang Tahun Ke-75 Pertubuhan Kajicuaca Sedunia (World Meteorological Organization-WMO), yang terus menjadi peneraju dalam usaha melindungi komuniti di seluruh dunia daripada kesan perubahan iklim.

Tema sambutan pada tahun ini, iaitu 'Bersama Merapatkan Jurang Amaran Awal' atau 'Closing the Early Warning Gap Together' memberikan peringatan penting bahawa sistem amaran awal bukanlah satu keistimewaan tetapi

satu keperluan.

Kesan perubahan iklim yang semakin meningkat dengan kejadian-kejadian cuaca ekstrem seperti gelombang haba yang lebih panas, kejadian banjir yang dahsyat, ribut yang kuat dan kenaikan paras laut yang semakin meluas terus mengancam kehidupan dan ekonomi di seluruh dunia.

Sepanjang dekad yang lalu, kita juga telah menyaksikan suhu global mencatat rekod tertinggi serta bencana iklim yang semakin meningkat.

Sehubungan itu, inisiatif Amaran Awal untuk Semua (EW4All) yang diterajui oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menyasarkan agar menjelang 2027, setiap individu di seluruh dunia akan mendapat akses dan dilindungi oleh sistem amaran awal.

Selaras dengan inisiatif global berkenaan, MTIC melalui BDMD terus memperkuuh keupayaan sistem amaran awal bagi menyediakan maklumat yang tepat

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

dan pantas kepada orang ramai.

Salah satu komponen utama dalam usaha berkenaan ialah sistem amaran berwarna BDMD, yang membantu masyarakat memahami tahap kekuatan amaran cuaca dan mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya.

Dikategorikan kepada tiga tahap, iaitu kuning, jingga dan merah, sistem berkenaan memastikan orang ramai, agensi kerajaan dan pihak berkepentingan menerima maklumat yang jelas dan boleh diambil tindakan sewajarnya semasa kejadian cuaca ekstrem.

Dalam usaha berterusan untuk memperkuuh keupayaan ramalan cuaca di Negara Brunei Darussalam (NBD), BDMD terus menggunakan teknologi kaji cuaca yang canggih serta alat pemantauan iklim bagi memastikan ketepatan yang lebih tinggi dalam ramalan cuaca.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif EW4All, NBD tetap teguh dalam komitmennya untuk melabur dalam teknologi ramalan yang moden, program pembangunan keupayaan dan kempen kesedaran awam bagi memastikan perkhidmatan amaran awal yang

berkesan, efisien dan mudah diakses demi keselamatan serta kesejahteraan penduduk di negara ini.

Selaras dengan Wawasan Brunei 2035 serta Pelan Strategik MTIC, negara komited dalam usaha memperkuuh sistem amaran awal, meningkatkan akses orang ramai kepada data kaji cuaca, serta memperluaskan kerjasama antarabangsa.

Melalui kerjasama dengan WMO, Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) dan agensi-agensi kaji cuaca global lain, NBD akan terus berusaha ke arah masa depan yang lebih selamat dan berdaya tahan.

Pada masa yang sama, pendekatan Whole of Government and Whole of Nation Approach amat penting bagi memastikan inisiatif EW4All berkenaan dapat dilaksanakan dengan jayanya melalui kerjasama erat antara agensi-agensi yang berkaitan sama ada dalam meningkatkan keupayaan kaji cuaca, pembangunan teknologi amaran awal dan penyebarannya serta kesiapsiagaan negara dalam menghadapi dan tindakan pengurusan bencana.



RAIH PAHALA DENGAN MEMULIAKAN AL-QURAN



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menyampaikan derma kepada salah seorang anak yatim.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Mac. - Bagi memuliakan Al-Quran dengan membacanya agar menjadi tuntutan agama dalam meraih pahala dan keberkatan darinya lebih-lebih lagi di bulan Ramadan yang mulia ini, Masjid Kampung Tanah Jambu telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sebagai tanda berakhirnya pembacaan Tadarus Al-Quran 30 Juzuk dan Majlis Penyampaian Sumbangan Derma Kepada Anak-anak Yatim di Kampung Tanah Jambu dan sekitarnya.

Hadir pada majlis yang diadakan di Masjid Kampung Tanah Jambu itu ialah Menteri Pengangkutan

dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Mohd. Zakaria bin Haji Mohd. Salleh, manakala bacaan Takhtim diketuai oleh Siti Huzzaimah Yadey binti Haji Rosli.

Seramai 199 orang peserta tadarus yang dibagikan kepada tujuh buah kumpulan telah menyertai acara Tadarus Al-Quran pada tahun ini yang telah berjalan selama 22 malam.

Acara juga diseluruhkan dengan penyampaian derma anak-anak



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran (atas), manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.



yatim disempurnakan oleh tetamu kehormat kepada seramai 18 orang anak yatim dari Kampung Tanah

Jambu dan Kampung Salar.
Adapun Majlis Khatam Al-Quran diadakan bagi menyemarakkan

dan meraih pahala yang berlipat ganda pada bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini.

Pastikan sistem amaran awal dapat lindungi semua orang

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

GENEVA, Ahad, 23 Mac. - Selamat Ulang Tahun Kali Ke-75 Pertubuhan Kajicuaca Sedunia (WMO) selaku suara berwibawa bagi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berkenaan dengan hal cuaca, iklim, dan air.

Hari ini dan sememangnya untuk sepanjang tahun ini kita meraikan sumbangan daripada WMO dan para anggotanya dalam menyelamatkan nyawa, memberikan perkhidmatan kepada masyarakat dan melindungi planet kita.

Perkara ini dinyatakan oleh Setiausaha Agung WMO, Profesor Celeste Saulo dalam perutusan bersempena dengan Hari Kaji Cuaca Sedunia 2025 bertemakan 'Bersama Merapatkan Jurang Amaran Awal' pada 23 Mac 2025.

Menurut Profesor Celeste Saulo, staf-staf Perkhidmatan Kajicuaca dan Hidrologi Kebangsaan adalah seperti doktor dan jururawat. Mereka bertugas selama 24 jam dan tujuh hari seminggu demi menjaga dan mempromosikan kesejahteraan awam dan mengucapkan ribuan terima kasih.

"Kita bukanlah sekadar peramal cuaca semata-mata. Data saintifik, maklumat dan perkhidmatan yang disediakan oleh komuniti WMO menyokong keputusan-keputusan yang mana merangkumi daripada aktiviti harian, penanaman tanaman bermusim hingga ke pelaburan infrastruktur jangka panjang.

Sepanjang 75 tahun yang lepas,

kita telah membawa nilai tambahan bernilai berbilion dolar kepada ekonomi global. Kita telah menjimatkan berbilion dolar lebih daripada kerugian ekonomi yang dielakkan akibat bahaya-bahaya yang berkaitan dengan cuaca, iklim dan air. Dan kita telah menyelamatkan ratusan ribu nyawa," terangnya.

WMO tambahnya menjadikan dunia lebih selamat, lebih terjamin dan lebih makmur. Pertukaran data, produk dan perkhidmatan yang berkaitan dengan cuaca secara bebas dan tanpa sekatan adalah amat kritikal bagi keselamatan negara dan sektor-sektor yang sensitif terhadap perubahan iklim. Contohnya seperti pertanian, penerbangan, perkapalan, tenaga, pengurusan air dan kesihatan.

Jelasnya lagi, WMO bertindak sebagai tulang belakang dan sistem saraf pusat bagi ramalan cuaca sedunia.

Setiap minit dan setiap hari ujarnya, data mengalir dari stesen pemantauan di seluruh pelosok dunia ke pusat ramalan cuaca. Jutaan pengukuran-pengukuran individu daripada satelit, stesen-stesen di darat, belon-belon cuaca, pelampung laut, kapal, pesawat dan pelbagai lagi.

Tanpa koordinasi daripada pihak WMO dan rangkaian yang bersatu padu tambahnya, setiap negara akan berdepan dengan tugas-tugas yang mustahil untuk mengumpulkan data global secara

sendiri. Profesor Celeste Saulo seterusnya menekankan dalam zaman yang tidak stabil dan mencabar ini, kerjasama antarabangsa adalah semakin penting berbanding sebelumnya.

Beliau mengongsikan dunia baru sahaja menyaksikan 10 tahun terpanas dalam rekod. Tahun 2024 berkesemungkinan akan menjadi tahun kalender pertama yang secara sementara mencapai suhu 1.5 darjah celsius lebih tinggi daripada era pra-industri.

"Malangnya, ini bukanlah yang terakhir. Ini lebih daripada sekadar statistik. Setiap pecahan daripada suhu darjah memberi impak kepada kehidupan kita dan mata pencarian kita. Kesan cuaca ekstrem dan iklim menjadi semakin teruk. Kita melihat lebih banyak gelombang haba yang semakin kerap dan kuat, ribut dan banjir yang lebih membinasakan, serta taufan tropika yang semakin cepat menguat.

Antara tahun 1970 dan 2021, kerugian ekonomi global yang dilaporkan akibat daripada bahaya cuaca, iklim, dan air mencecah AS\$4.3 trilion dolar. Lebih daripada 2 juta orang telah terkorban. Kos ekonomi kian meningkat tetapi angka kematian semakin menurun. Secara ringkas, kita kini lebih cekap dalam menyelamatkan nyawa berbanding sebelumnya.

Keutamaan kita adalah memastikan sistem amaran awal dapat melindungi semua orang, di mana sahaja," jelasnya.

Pada titik pertengahan amaran awal untuk semua beliau

mengongsikan dengan bangganya telah melaporkan kemajuan. Sehingga tahun 2024, 108 negara telah melaporkan bahawa mereka memiliki kapasiti untuk sistem amaran awal bagi pelbagai bahaya.

Ini adalah lebih daripada dua kali ganda berbanding 52 negara pada tahun 2015. Namun, adalah diperlukan untuk melangkah lebih jauh dan perlu bergerak lebih pantas.

Menurut beliau lagi, kita mesti bersama berinovasi dalam memperluaskan teknologi; bersatu memupuk kerjasama antara negara-negara dan bersama melabur untuk mencipta, mobilisasi, dan berkongsi sumber.

Jelasnya, amaran awal untuk semua kini lebih daripada sekadar inisiatif sahaja. Ia telah menjadi satu jenama. Ia adalah sasaran yang bercita-cita tinggi, namun kita bertekad untuk mencapainya. Kita kini memperluaskan sokongan kepada lebih banyak negara, melebihi 30 negara pada tumpuan awal.

"Kita sedang mengukuhkan perkongsian dengan penderma secara dua hala dan pelbagai hala, bank-bank pembangunan serta dana-dana iklim untuk meningkatkan sumber dan kerjasama.

Kami juga sedang memperkuuhkan kapasiti serantau untuk memastikan impak yang berpanjangan. Kami juga mempromosikan pemilikan dengan meletakkan negara-negara di tempat hadapan. Kami komited dalam memperkasakan kuasa

ramalan," terangnya.

Kemajuan teknologi dan Kecerdasan Buatan (AI) tambahnya menjanjikan untuk merevolusikan ramalan cuaca. Namun, kita mesti meratakan padang permainan dan memastikan tiada sesiapa pun yang tertinggal. Kita mestilah merapatkan jurang dalam data dan pemerhatian.

Masanya adalah sekarang. Dengan bertindak sekarang, melabur dan bersama-sama berinovasi, kita dapat memenuhi janji amaran awal untuk semua. Ini adalah kewajipan kemanusiaan dan moral. Ia juga berdasar daripada segi ekonomi.

Kongsi beliau lagi, secara global, setiap AS\$1 yang dilaburkan dalam amaran awal dianggarkan menghasilkan manfaat ekonomi bersih sebanyak AS\$9. Di beberapa kawasan, ia bahkan lebih tinggi.

Oleh itu, beliau menyeru kepada kerajaan-kerajaan di seluruh dunia memperkuuhkan pelaburan dalam Perkhidmatan Kajicuaca dan Hidrologi Kebangsaan. Ini adalah penting kepada pembangunan sosioekonomi negara dan antarabangsa.

Sebelum mengakhiri perutusan, beliau menyatakan selama 75 tahun yang lepas, WMO telah mengubah sains kepada tindakan untuk manfaat sejagat. Pada Hari Kaji Cuaca Sedunia ini, marilah kita menegaskan semula komitmen kita demi dunia yang lebih selamat dan mampan. Kita melakukannya demi anak-anak kita.

MERAIH GANJARAN BESAR DI BULAN RAMADAN

ISTERI Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran bagi Pegawai dan Kakitangan wanita Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

JUNJONGAN, Sabtu, 22 Mac. - Sempena bulan Ramadan yang mubarak ini, pelbagai pihak termasuk kementerian, jabatan kerajaan, sektor swasta, keluarga serta individu di negara ini, giat meningkatkan amalan dengan menganjurkan pelbagai acara keagamaan.

Usaha berkenaan bertujuan untuk meraih pahala yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Antara aktiviti yang sering menyemarakkan bulan Ramadan ialah bertadarus Al-Quran.

Sehubungan itu, Majlis Khatam Al-Quran bagi Pegawai dan Kakitangan wanita Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi diadakan pagi tadi di Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, isteri



Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiha dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan Majlis Khatam Al-Quran yang diketuai oleh Guru Ugama Terlatih Tingkat Khas, Jabatan Pengajian

Islam, Dayang Siti Huzzaimah Yadey binti Haji Rosli.

Sejurus itu, bacaan Takhtim dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, JPI, Dayang Julianawati binti Hamdan.

Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Peliharakan Sultan oleh Penolong Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Syairah, KHEU, Dr. Noryati

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

binti Haji Ibrahim.

Aktiviti keagamaan tahunan kementerian berkenaan merupakan sebagai salah satu syiar untuk memakmurkan masjid-masjid di negara ini sekali gus dapat meningkatkan lagi ibadat dalam merebut ganjaran yang

besar pada bulan Ramadan melalui amalan Tadarus Al-Quran.

Di samping itu, dapat mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan para pegawai dan kakitangan wanita di bawah KHEU.

Peluang belia, masyarakat menceburi bidang keusahawanan



ISTERI Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Jualan Kuih-muih Raya Belia 2025 (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Mac. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

(KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS) kini mengadakan Jualan Kuih-muih Raya Belia 2025

bermula 19 hingga 27 Mac 2025, mulai jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam di Dewan Riadah, Pusat Belia Bandar Seri Begawan.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Jualan Kuih-muih Raya Belia 2025 telah diadakan baru-baru ini dan hadir selaku tetamu kehormat bagi melancarkan jualan berkenaan, isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi.

Atur cara majlis dimulakan dengan tetamu kehormat majlis membuka kain rentang (*banner*) dan seterusnya bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Abdul Mujib bin Awang Sh'minan, Alumni Program Serantau dan Antarabangsa, JBS.



Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Majlis diteruskan dengan penyerahan sumbangan bantuan yuran petak daripada Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Setiausaha - setiausaha Tetap, Timbalan - timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli Bersekutu kepada vendor yang berkeperluan seperti ibu tunggal dan belia yang belum mempunyai pekerjaan dan peniaga yang dikenal pasti memerlukan bantuan, diikuti dengan sesi bergambar ramai. Majlis diakhiri dengan lawatan ke petak-petak jualan.

Jualan Kuih-muih Raya Belia 2025 berkenaan merupakan salah satu aktiviti keusahawanan yang diadakan dalam bulan Ramadan sebagai persiapan menjelang Sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Antara objektif jualan berkenaan ialah bagi memberi peluang kepada belia dan masyarakat di negara ini menceburi bidang keusahawanan dan meningkatkan

kemahiran serta menjana ekonomi masing-masing.

Di samping itu, bagi membantu dalam mempromosi produk yang mereka usahakan untuk mencari pelanggan tetap.

Sebanyak 28 buah petak jualan telah disediakan bagi peniaga tempatan yang terdiri daripada Ahli-ahli Pertubuhan Perkumpulan Wanita (WI) Negara Brunei Darussalam dan orang ramai (persendirian) menyertai jualan berkenaan, yang telah dilaratkan lagi dengan penjualan pelbagai produk kuih-muih serta produk barang yang lain.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk mengunjungi dan membeli-belah produk kuih-muih dan barang yang dijual sebagai tanda sokongan kepada produk tempatan serta membantu para peniaga memperoleh pendapatan bagi Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak

Smartphone icon with a shopping cart symbol: PenggunaBijak

App Store Google Play

Logo: جانن فلتنق بيجونس دان ستاتيسيتك
JAKIM PERANCANG EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

سُرِّ الدُّجَى

ما لم يُعْلَمْ بـأيـك درـي سـريـو بـولـن

اولیه بع دمکین، جلک سسماورغ ایت دقتدیر کن برقو دغۇن مالم ترسیبىت
 مك هندقلە دى مقریباً يقىن دعا دان مۇھون كامقۇن كحضرتة الله سُبْحَانَهُ وَعَلَى
 آنس سکل دوسا بع تله دلاکوکن. اين جلس سپاكىمان بع تله دانچور كن
 اوپىلە رسۇل الله ﷺ دام سبواه حديث بع دروايىتكن اوپىلە عائىشە
 رېھىلىقەنە كاتىن: "اکو فرنە بىر تان كىند رسۇل الله ﷺ: واهاي رسۇل
 الله! باكىمان جلک ساي مۇتھىئى اكىن مالم لىلة القدر ایت دغۇن نىفت، افاكە
 دعاء بع فاتوت ساي باج؟ بىكىندا منجواب: كاتاكتەلە اوپىلە مو: اللَّهُمَّ إِنَّكَ
 عَفُوٌ خَيْرٌ لِمَنْ يَعْفُ عنِي.

مقصودن: يا الله! سسوغکوهن أغکاوله يغ مغورنياکن کامقونن ترهادف دوسا-
دوساکو. أغکا وها فقامقون، مك امقوئيله آکو. {Hadith روایة إمام رمذانی}

جماعه يبغ در جميي الله،
دالم اوسها كيت اوتنوق مفهيدو فکن ليلة القدر، سام-سامله كيت
منجوتوي هي دان مععملنکن اف يبغ تله دلا کون اوليه رسول الله علی‌الله‌یکه و مسیح.
انتاران دعن براعتكاف، مفسر بایقون سبیهیش-سبیهیش سنّة، مبایج القرآن، ذکر،
استغفار، دعاء، صدقه، مبایغونکن دان مفاجعی اهل کلوارک اوتنوق سام-سام
ملاکون عمل عباده.

آخرین، ممندگن بناش بسرن کنجرن لیله القدر ایت، مک کیت روتوه
فلواغ دغون منیجکنکن لاکی عمل عباده تراوتام سکالی دسقولوه هاری ترأخیر
دیبولن رمضان. موده-مودهن سکل عمل عباده دان عمل کیاجین یع کیت
لاکون دستفتح بولن رمضان این دتریما اویله الله شیخناهه و تعالی. آمین يا رب
العلیین.

رسو غکوهن کامي تله منورونکن القرآن ايت قد مالم ليلة القدر. دان
ناهوكه آنگها اوهاكه مالم ليلة القدر ايت؟ مالم ليلة القدر ايت ليهه بايد درفه
سریبولن. قد مالم ايت توروون ملاوکه-ملاوکه دان ملاوکه جریبل دغون اذن
توهن مریک اوتفوق مغاتور سکل اوروسن. مالم ايت (فنه) کسجهزان هیشق
تریبیت فجر. } سوره القدر آیه: ۱-۵ {

بِإِذْنِ اللَّهِ الَّذِي نَعْلَمُ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالآيَاتِ وَالْكِتَابِ الْحَكِيمِ. وَتَقْدِيلُ مَا
بِلَاوَقْتٍ إِلَّا هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلِكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فِي قَوْزِ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَتَجَاهَةِ
الثَّانِيَنَ.

کهولیه، قد مالم ترسیبوت حوك، الله شیخاله و تعالیٰ مقامونکن دوسا
نمبا-همیان بع بر عبادت دعن فتوه کیلمانن کران معهارفکن کریضان الله
شیخاله و تعالیٰ. اولیه ایت، کیت هندقله مفتریات دان ملیخکندا اکن عاده دان عمل
کجا بایچن باکنی مریوت کلیبین دان کاؤنو غون بع تیدق تریالی هرگن ایت.
مرقد أبو هریرة رضی اللہ عنہ، رسول الله ﷺ بر سردا: مَنْ قَامَ لِلَّيْلَةِ الْقُدرِ
وَأَخْتَسَابَاهُ غَفَرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ وَمَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْسَانًا فَغُفرَ
لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ.

بارغسیاف بیغ مغراجاکن عباده قد مالم القدر (میسی دعن عباده) کران
کمان کفده الله دان مغهارفکن فهلا (هان درین) مک اکن دامغونی دوسا-
دوسان بیغ تله لالو، دان بارغسیاف بیغ برقواس رمضان کران پیمان کفده الله دان
دغهارفکن فهلا (هان درین) مک اکن دامغونی دوسا-دوسان بیغ تله لالو.
} حدیث (وابة امام بخاری)

جماعه بعث در حجه الله
ليلة القدر ايت تيدق دنتونکن ساعت دان وقتوں کران اي اداله فر کارا
هسپیا دان هان الله سبجعه الله وعائی سهاجله بع مها مغتهبوی. حکمہن اداله سو فای
کیکت تكون برآومها دغۇن برسوغىگە-سو غىگە اوتنوق برعیاده دان نمیوات
عمل کباجیقىن قىد ستابىف مام دیولىن رمضان دان تیدق اكىن هان برعیادت قىد
مالم- مالم بع ترنتنکن سهاج.

وَالْأَوَّلُ بِكَيْمَانَفُونَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُحَاجِسُكُنْ دَامْ حَدِيثَ بَكِينَدا
وَتُنُوقُ مُنْجَارِي لِلَّهِ الْقَدْرِ ابْنُ قَدْرِهِ هَارِي يَعْ تَرَأْخِيرِ دَبُولِ رَمَضَانِ دَانِ
دَنْ دَيَافِ تِيَافِ مَالِ يَعْ كَسْجِيلِي. دَرَقْدَ أَبُو سَعِيدِ الْخَدْرِي رَبِّيَّتَنَدِ، رَسُولُ اللَّهِ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِرْ سِيدَا: فَالْتَّمِسُوهَا فِي الْغَشْرِ الْأَوَّلِيِّ، وَالْتَّمِسُوهَا فِي كُلِّ وِتْرٍ.

هندله کامو حاری ای (لیله القدر) ایت قد سقولوه مالم ترأخیر (بولن
رمضان) دان کامو حاری ای قد تیاف-تیاف مالم کنجیل. {حدیث روایة إمام
فاری}

جماعه يعث در حجتی الله،
بر تقوی له کیت کحضره الله شیخالله و تعالی دعن منیغتکن کلایانن کهدن.
مسنگوکهن اورغ يع فالیغ ملیا دمیسی الله شیخالله و تعالی ایت ایاله اورغ يع فالیغ
بر تقوی. موده-مودهن کیت منجادی انسان يع مستیاس معیغتی الله
شیخالله و تعالی، بر اوله کحجان دان کسلامن ددنما دان جوک دآخره.

الحمد لله، كيت ملاطفنکن شکور کحضرتة سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى کران دغن
لیمچه رحمتن، کيت ماسیه دبری فلواع اونتوق برفنس دان برثو لاکنی دبولن
رمضان بع قتوه دغн کيرکن، کامقونن دان رحمة. سسوغکوھن بولن رمضان
اداله انتارا بولن بع دتوغکو-توغکو اوليه سلوروه اوست إسلام کران دبولن
اين ترداشت دالمن ساتو مالم بع قتوه دغن کيرکن، کاستیمیوان دان مالم بع
لیبه بایك دری سریبو بولن بایت لیلة القدر. درقد أبو هریرة رض، رسول
الله ﷺ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسیدا: أَنَّكُمْ رَمَضَانَ شَهْرٌ مُّبَارَّكٌ، فَرِضَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ
عَلَيْكُمْ صِيَامًا، تُفْتَنُ فِي أَبْوَابِ السَّمَاءِ، وَتُعَذَّلُ فِي أَبْوَابِ الْجَحَّمِ، وَتُغَلَّلُ
فِي هَوَاءِ الشَّيَاطِينِ، لَهُ فِي لَيْلَةِ خَيْرٍ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ فَقَدْ

تمام بولن داعیه کشید کامو بولن رمضان بولن بیغ فتوه کبر کن. الله عزیز علی تله
مواجعکن کاس کامو سوقای برقواس قدن. (قد بولن ایت) دبوکن فیتو-
فیتو لاغیت دان دتووف فیتو-فیتو نراک سرتا دماسوکن کدامن شیطان-
شیطان. ددامن اد ساتو مالم بیغ لبیه بایک دری سریبو بولن. بارغسیاف بیغ
تیدق منداشکن کپایکن برآرتی ای تله بر-بر ترهالع اتاو جاوه دری کپایکن
} حدیث روایة النسائي {

مسو غوكوهن ليلة القدر اداله مالم يع دكورنياكن اوليه الله سبحة الله وتعالى
كفـدـ أومـتـ نـيـ مـحـمـدـ صـلـيـ اللـهـ عـلـيـهـ وـسـلـمـ بـهـكـنـ كـورـنـيـانـ اـيـنـ تـيـقـدـ فـرـنـهـ دـبـرـيـكـنـ كـفـدـ
أـوـمـتـ-أـوـمـتـ يـعـ سـلـوـمـ. اـنـتـارـاـ سـبـبـ كـنـافـ لـيـلـةـ الـقـارـ اـيـتـ دـكـورـنـيـاـكـنـ كـفـدـ
أـوـمـتـ نـيـ مـحـمـدـ صـلـيـ اللـهـ عـلـيـهـ وـسـلـمـ سـهـاجـ اـيـالـهـ كـرـانـ رـسـوـلـ اللهـ صـلـيـ اللـهـ عـلـيـهـ وـسـلـمـ فـرـنـهـ
مـيـكـرـكـنـ تـنـتـعـ عـمـوـرـ أـوـمـتـ-أـوـمـتـ دـهـوـلـوـ يـعـ فـتـحـ جـكـ دـبـنـدـيـعـكـنـ دـغـنـ كـادـانـ
عـمـوـرـ أـوـمـنـيـ يـعـ فـيـنـدـيـقـ. بـكـيـنـداـ سـاـشـتـ بـرـدـوـ كـجـبـتـاـ كـرـانـ جـكـ أـوـمـتـ اـيـعـيـنـ
بـرـلـومـبـاـ دـالـمـ كـصـلـيـحـنـ دـغـنـ أـوـمـتـ-أـوـمـتـ يـعـ دـهـوـلـوـ مـكـ مـسـتـجـبـيلـ لـهـ مـرـبـكـ
دـافـتـ بـرـسـابـيـعـ اـفـاتـ لـاـكـيـ مـغـاتـسـيـنـ لـتـزـنـ عـمـوـرـ مـرـبـكـ يـعـ فـيـنـدـيـقـ. مـكـ دـغـنـ
رـحـمـةـ اللهـ سـبـحـةـ اللهـ وـتعـالـىـ، دـكـورـنـيـاـكـلـهـ مـالـمـ يـعـ فـوـهـ دـغـنـ كـبـرـكـنـ اـيـنـ كـفـدـ أـوـمـتـ
نيـ مـحـمـدـ صـلـيـ اللـهـ عـلـيـهـ وـسـلـمـ.

PPDB BERTAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



MENGETUAI rombongan pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil ialah Pemangku Pesuruhjaya Polis Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) (kanan). Sementara gambar atas, sebahagian yang hadir pada majlis keagamaan berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Mac. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil khusus bagi ayahanda, bonda serta anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Mengetuai rombongan ialah Pemangku Pesuruhjaya Polis



PPDB, DCP Dato Seri Pahlawan Sulaiman bin Alidin.

Turut berangkat dan hadir pada majlis berkenaan ialah Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis, Yang Amat Mulia SAC Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris serta Pengarah-pengarah dan Timbalan Pengarah Jabatan,

ketua-ketua formasi, para pegawai, anggota pangkat rendah dan kakitangan PPDB.

Majlis diisikan dengan bacaan Surah Yaa Siin, diikuti dengan bacaan Tahlil beramai-ramai dan seterusnya bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Imam Surau Polis Gadong PPDB, APO Staf Sarjan 6472

Mohammad Yusri bin Haji Abu Bakar.

Majlis keagamaan berkenaan telah dikendalikan oleh Badan Ugama Islam (BUI) PPDB bagi menyemarakkan dan memperoleh lagi keberkatan sempena bulan Ramadan yang penuh maghfirat dan rahmat bagi tahun ini, 1446 Hijrah bersamaan 2025 Masihi.

ALTSB, CBTL anjur Program Infak Kasih Ramadan

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin



TUTONG, Sabtu, 22 Mac. - Aziz Latif Transport Sdn. Bhd. (ALTSB) dan The Coffee Bean & Tea Leaf (CBTL) telah bekerjasama pada tahun ini bagi menjayakan Program Infak Kasih Ramadan iaitu sebuah inisiatif tahunan anjuran ALTSB, hari ini.

Program ini bertujuan untuk membantu anak-anak yatim serta keluarga kurang berkemampuan dalam komuniti Daerah Tutong sepanjang bulan suci Ramadan. Dengan sokongan daripada CBTL, program ini telah berjaya menyantuni 10 anak yatim dan 10 keluarga kurang berkemampuan.

Program yang diadakan di Masjid Pengiran Anak Haji Mohammed Alam, Kampung Sengkarai, di sini, dimulakan

dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat yang dipimpin oleh imam masjid berkenaan, Awang Abdul Raqib bin Haji Awang.

Majlis seterusnya diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Dayang Norakalily binti Haji Rosli, selaku pengajar program dari ALTSB serta Pengurus Sumber Manusia dan Pentadbiran CBTL, Awang Abdul Akeez bin Haji Abdul Khalid.

Program tersebut bertujuan untuk mengeratkan hubungan dengan masyarakat Daerah Tutong serta memberikan bantuan yang diperlukan sepanjang bulan yang penuh keberkatan ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Sengkarai hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sumbangan kepada para penerima (atas dan kiri), manakala gambar bawah kanan, antara yang berucap pada majlis tersebut.

sumbangan kepada para penerima ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai.

Pengurus Sumber Manusia dan Pentadbiran CBTL, Awang Abdul Akeez dalam ucapannya menyatakan bahawa melalui inisiatif Caring Cup ini, CBTL akan terus komited setiap tahun dalam memperkasakan peranan mereka dalam usaha Kebajikan dan membantu masyarakat setempat, khususnya sepanjang bulan suci Ramadan.

"Majlis ini adalah salah satu usaha untuk berkongsi sedikit sebanyak kegembiraan serta rezeki yang dikurniakan

oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Mudah-mudahan usaha ini menjadi amalan kita semua dan terus diperkuuhkan oleh generasi yang akan datang, sebagaimana pepatah mengatakan 'dalam rezeki kita, ada juga rezeki orang lain'," ujar Dayang Norakalily.

Kerjasama berkenaan menandakan satu pencapaian penting dalam usaha berterusan untuk membantu golongan yang memerlukan sekali gus mengukuhkan komitmen ALTSB dan CBTL dalam tanggungjawab korporat sosial serta perkhidmatan kepada masyarakat.

Turut hadir, Pengurus Besar CBTL di Brunei Darussalam, Arlene Terrado serta Pengarah ALTSB, Awang Haji Azman Latif



bin Haji Abdul Aziz bersama para Ketua Kampung dan wakil dari Daerah Tutong.

MELAHIRKAN BELIA BERTANGGUNGJAWAB, BERSIFAT KEPIMPINAN



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara ketika menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta Program Faith and Soul Camp 'Empowering Hearts, Elevating Souls'.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

SENGKURONG, Ahad, 23 Mac. - Belia Islam kini berada di era yang amat mencabar. Para belia mutakhir sering dikaitkan dengan isu gejala sosial dan aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral, yang hendaklah ditangani dengan penuh hikmah dan secara proaktif oleh semua pihak.

Sudah tiba masanya bagi para belia Islam di Negara Brunei Darussalam, khususnya, untuk membekalkan diri mereka dengan keimanan dan ilmu pengetahuan serta mula berperanan sebagai agen perubahan di negara ini.

Sehubungan dengan itu, Kumpulan Belia Syababul Iman,

Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong; Takmir Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong; Kumpulan Belia Masjid Ash-Shaliheen; dan Takmir Masjid Ash-Shaliheen dengan kerjasama Kumpulan Ahli Jawatankuasa (AJK) Tertinggi Belia Masjid Senegara telah menganjurkan bersama Program Faith and Soul Camp 'Empowering Hearts, Elevating Souls' selama tiga hari, bermula dari 21 hingga 23 Mac 2025 di dua lokasi, iaitu Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong dan Masjid Ash-Shaliheen.

Program bersempena cuti

persekolahan khusus bulan Ramadan ini, disertai lebih daripada 60 belia di Negara Brunei Darussalam yang berumur 17 hingga 23 tahun.

Majlis Penutup Program telah diadakan di Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong yang dihadiri oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai, selaku tetamu kehormat majlis.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Tilawah Al-Quran dan Terjemahan, diikuti dengan ucapan oleh Timbalan Pengurus AJK Tertinggi Kumpulan Belia Masjid Senegara, Awang Rahim bin Suani.

Awang Rahim dalam ucapannya antara lain menjelaskan, perkhemahan belia masjid ini dilaksanakan bukan setakat untuk mengisi masa lapang tapi juga merupakan wadah yang sangat baik bagi kita semua untuk terus belajar, tumbuh, dan memperkuat iman.

Kemudian tambahnya, menampilkan aktiviti-aktiviti yang menarik dan mencabar, serta beberapa buah aktiviti direka khas demi mencapai tema dan matlamat program yang setentunya akan mendatangkan banyak manfaat kepada para peserta.

Menurutnya lagi, perkhemahan ini bukan hanya sekadar kegiatan rutin, tetapi merupakan perjalanan spiritual yang harapannya akan

meninggalkan kesan mendalam dalam hidup kita.

Perkhemahan ini juga ujarnya, hadir bagi menyahut seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar para belia Islam di Negara Brunei Darussalam khususnya secara serius untuk sentiasa dibekalkan diri mereka dengan keimanan, ilmu pengetahuan serta mula menjadi agen perubahan di Negara Brunei Darussalam.

Majlis diteruskan dengan tayangan video penutup, dan diteruskan dengan penyampaian sijil dan hadiah yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis kepada peserta program tersebut.

Matlamat program ini adalah untuk membantu para belia mempersiapkan diri daripada segi mental dan fizikal dalam menghadapi cabaran era globalisasi melalui pendidikan agama khasnya serta pendidikan umum secara amnya.

Selain itu, program ini juga berhasrat untuk menjadi platform dalam melahirkan belia yang bertanggungjawab, prihatin dan berbakti kepada raja, bangsa, agama dan negara.

Manakala objektif program antaranya adalah untuk membina sifat kepimpinan dan daya tahan dalam kalangan belia, di samping membekalkan mereka dengan ilmu dunia dan ukhwai.

Selain itu, program juga diharapkan untuk memberikan pendedahan kepada belia tentang suasana Islam serta mengimarahkan masjid, terutama pada bulan Ramadan.

Program juga diharapkan dapat melahirkan belia yang proaktif, yang mengisi masa cuti persekolahan dan waktu lapang dengan aktiviti-aktiviti bermanfaat sepanjang bulan Ramadan.

Antara pengisian program ini ialah ceramah, bengkel kerohanian, latihan dalam kumpulan, aktiviti kesenian Islam, aktiviti kemasyarakatan, aktiviti kemahiran diri dan sebagainya.

Program yang mengambil masa selama tiga hari dua malam tersebut diharap dapat memberi impak yang sangat besar kepada para peserta.

Juga hasrat Kumpulan Syababul Iman, Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong dan Kumpulan Belia Masjid Ash-Shaliheen, Masjid Ash-Shaliheen ialah agar program ini dapat menjadi titik permulaan bagi belia sebagai langkah pertama untuk berhijrah ke arah membentuk diri menjadi belia Islam dan siap siaga membuka minda untuk berdepan dengan pelbagai cabaran di era globalisasi.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

dirahsiakan waktunya adalah bertujuan agar umat Islam sentiasa berusaha untuk melakukan ibadah dengan penuh kesungguhan, memelihara diri daripada segala dosa dan seterusnya akan dapat meraih ganjaran pahala yang dikurniakan oleh Allah serta mengharapkan keredaan-Nya.

Acara Munajat petang tadi merupakan anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-178 dan diadakan secara dalam talian. Munajat Ramadan disemarakkan oleh mahasiswa Sarjana Muda Sains Kesihatan (Kejururawatan), Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (IHS PAPRSB), Universiti Brunei Darussalam (UBD); mahasiswa Tahun Kedua, Jurusan General Engineering, UBD; Majlis Perwakilan Pelajar Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB); Pegawai Hal Ehwal Masjid serta Ahli Jawatankuasa dan jemaah Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Jabatan Hal Ehwal Masjid.

Turut menyemarakkan Munajat Ramadan ialah warga kerja dari KHEU, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Beijing, Republik Rakyat China, Jabatan Mufti Kerajaan, Mahkamah-mahkamah Syariah, Pejabat Kesejahteraan Jabatan Perdana Menteri, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, ATI Penerbitan serta individu yang turut serta secara maya.

Majlis dimulai dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiha dipimpin oleh Kohort 14, Tahun 3 Sarjana Muda Sains Kesihatan (Kejururawatan), Ahli Badan Pelajar Kejururawatan dan Perbidanan UBD, IHS PAPRSB UBD, Awang Muhd. Ashraf Ihsanie bin Abdullah Asmallee dari Masjid UBD dan disusuli dengan bacaan Surah Al-Waqiah beramai-ramai

dipimpin oleh Ketua Eksekutif Keugamaan dan Kerohanian 24/25, mahasiswa Tahun Kedua, jurusan General Engineering, UBD, Awang Muhammad Hadi Hamizan bin Syahrul Nizam.

Acara diteruskan dengan bacaan Doa Munajat dipimpin oleh Setiausaha Majlis Perwakilan Pelajar KUPU SB, Awang Mohammad Hafizuddin bin Mohammad Saidin dari Surau KUPU SB.

Selepas Tadabbur Al-Quran, majlis diteruskan dengan bacaan Selawat Tafrīyyah beramai-ramai dipimpin oleh Kohort 15, Tahun 2 Sarjana Muda Sains Kesihatan (Kejururawatan) IHS PAPRSB UBD, Awang Muhammad Hazwan Hasanayn bin Ismail dari Masjid UBD.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Mohd. Syahmi bin Haji Zaini dari Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong.

Munajat Ramadan anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan ibadah di bulan Ramadan ini dan meminta keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'alaa dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat daripada segala bala bencana dan penyakit merbahaya.

Sejoga dengan amalan ibadah yang dikerjakan di bulan Ramadan ini, kehidupan kita dan Negara Brunei Darussalam diberkati. Orang ramai dialu-alukan menyertai bersama Munajat Ramadan pada Sabtu bermula pukul 1.00 petang di sepanjang bulan Ramadan ini melalui aplikasi Microsoft Teams di pautan <http://tiny.cc/munajatkheu>.

Jaga kesihatan akal melalui amalan zikir, mengingati Allah



ANTARA yang hadir pada Munajat Ramadan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Mac. - Islam amat menekankan aspek penjagaan kesihatan dalam kehidupan sehari-hari sebagai salah satu cara untuk meningkatkan kesejahteraan fizikal dan mental.

Terdapat beberapa prinsip penting yang perlu diamalkan untuk memastikan kesihatan terjaga, antaranya ialah pengambilan makanan yang halal dan baik, makan minum secara sederhana, menjaga kebersihan diri, serta menjaga kesejahteraan mental dengan sentiasa istiqamah melakukan amalan zikrullah.

Sebuah prinsip ini tidak hanya memberi manfaat kepada tubuh badan, malah membantu menenangkan jiwa, yang akan menjadikan umat Islam lebih sihat dan sejahtera. Demikian antara pengajaran

ayat daripada Tadabbur Al-Quran, Surah Al-Qadr, ayat 1 – 5 yang disampaikan oleh Pegawai Pelajaran, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), Awang Mohammad Fikri bin Haji Sharbini dari Musolla ITQSHHB bagi menyeriakan Munajat Ramadan di bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini.

Awang Mohammad Fikri seterusnya menyatakan Islam juga mengajar kita untuk memilih makanan yang halal dan berkualiti bagi memastikan tubuh mendapat rezeki yang baik (Surah Al-Baqarah : 168, Surah Al-Maidah : 88) serta mengamalkan pemakanan yang tidak berlebihan (Surah Al-Araf : 31).

Tambahnya lagi, kebersihan turut diutamakan dalam Islam,

dengan menekankan pentingnya wuduk, mencuci tangan dan menjaga kebersihan makanan. Di samping itu, menjaga kesihatan akal melalui amalan zikir dan mengingati Allah adalah amalan yang sangat dituntut, seperti yang dinyatakan dalam Surah Ar-Ra'd : 28.

Selain itu, jelasnya, umat Islam juga dianjurkan untuk meraih malam Lailatulqadar, sebuah malam yang penuh kemuliaan dan keberkatan. Malam ini, yang lebih baik daripada seribu bulan, adalah malam turunnya Al-Quran kepada Nabi Muhammad. Setiap amalan kebaikan yang dilakukan pada malam Lailatulqadar memiliki ganjaran yang lebih besar daripada amal pada bulan-bulan dan malam-malam lain. Adapun Lailatulqadar



Bilangan Tawaran:
JDT / KPD / 01 / 2025 – 2026
(LTK)

Tajuk Tawaran:
General Maintenance To Tutong District Office (Janitorial Works) For A Period Of 24 Months

Yuran Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup:
Selasa, 15 April 2025.
Jam 2.00 Petang.



Bilangan Tawaran:
JDT / KPD / 03 / 2025 - 2026

Tajuk Tawaran:
kerja-kerja pemotongan rumput di kawasan perumahan jalan sg besar, daerah tutong bagi tempoh dua (2) tahun.

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Isnin, 7 April 2025.
Jam 2.00 Petang.



Bilangan Tawaran:
JDT / KPD / 02 / 2025 - 2026

Tajuk Tawaran:
kerja-kerja pemotongan rumput di kawasan helipad, kawasan padang futsal berdekatan dewan utama, kawasan luar rumah rasmi pegawai daerah dan kawasan padang kompleks dewan kemasyarakatan daerah tutong bagi tempoh dua (2) tahun

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Isnin,
7 April 2025.
Jam 2.00 Petang.



Dibuka kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam

Kelas:
II / III / IV / V

Kategori:
KPB12

Tarikh Buka Tawaran Pada:
24 Mac 2025 (Isnin)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
15 April 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup Pada:
22 April 2025 (Selasa)

Sebelum Jam:
2.00 Petang.



(Di Tutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BTR / T005 / 2025
Penyelenggaraan Landskap dan Kemudahan Taman Di Taman Rekreasi Mini Perayaan Kampung Parit Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun.

No. Projek:
JASTRE / BTR / T005 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)



Tawaran-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam **Kelas III sahaja** dan **Kategori Kerja S02 dan S07** bagi:

Nama Projek:
Three (3) Years Term Contract For General Maintenance Works at RPN Kg Lambak Kanan In Brunei-Muara District, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Projek:
JKP / 01 / 2025

Tender Information Pack boleh dipohonkan dan didapat dengan menghantar e-mel kepada tender.jkp@hdd.gov.bn.

Tarikh Buka Tawaran:

24 Mac 2025,
Isnin

Tarikh Tutup Tawaran:
8 April 2025,
Selasa
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tempat Tutup:
Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00
Tidak dikembalikan
[Yuran E-Dokumen & Lukisan]



Penender-penender adalah dipelawa untuk mengemukakan tawaran bagi 1 kerja berikut:

RBPF / TPROC / RC / 001 / 2023 - T

The Supply And Fitting Of Tyres, Tubeless Valve, Wheel Balancing, Wheel Alignment And Camber Services For Different Types Of Police Vehicles – Five (5) Years Contract

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Selasa,
22 April 2025.



Bilangan Sebut Harga:
31 / DEC / 2024 / KKBS / PJK / 16.105 (R)

Tajuk Sebut Harga:
Dismantle, Dispose And Replace New LPG Pipeline For Kitchen At PKBN Training Camp, Batu Apoi, Temburong



(Requotation)

Tarikh Tutup:
Khamis, 17 April 2025.
Jam 2.00 Petang.



Bilangan Tawaran:
10 / BBS / SH / 2024-2025 J.1

Keterangan Projek :
kerja-kerja memotong pokok-pokok di kawasan rumah persinggahan kerajaan jalan Maulana, Kuala Belait



Yuran Tawaran:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Selasa, 8 April 2025.
Jam 2.00 Petang.

PILIH ISLAM SEBAGAI PEGANGAN HIDUP



KAMPUNG TANAH JAMBU, Ahad, 23 Mac. - Seorang perempuan berbangsa Iban memilih agama Islam sebagai pegangan hidupnya dan melafazkan dua kalimah syahada

pada Majlis Pengislaman yang diadakan petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pengislaman yang berlangsung di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, Kampung Tanah

Jambu, di sini ialah Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha, diikuti dengan lafaz ikrar pengislaman



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan Majlis Pengislaman bagi Dayang Jessica anak Japri yang memilih nama Islamnya sebagai Nur Fateen Afiqah binti Abdullah Japri (atas dan kiri).

■ Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

serta dua kalimah syahada oleh Dayang Jessica anak Japri, 20 tahun di hadapan pegawai Bahagian Pengembangan Da'wah (Pengislaman) PDI.

Dayang Jessica anak Japri memilih nama Islamnya sebagai Nur Fateen Afiqah binti Abdullah Japri. Majlis diserikan lagi dengan Dikir Marhaban serta

penyampaian cenderahati kepada saudara baharu yang diraikan dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Sekjak awal Januari hingga 17 Mac 2025, seramai 68 orang telah memeluk Islam di Negara Brunei Darussalam, 35 orang daripadanya adalah dari Daerah Brunei dan Muara.

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

کمترین کمیتیت
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

IHP bulan Februari catat peningkatan

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Mac. - Indeks Harga Pengguna (IHP) pada bulan Februari 2025 menunjukkan peningkatan sebanyak 0.01 peratus berbanding bulan Februari 2024, didorong oleh peningkatan sebanyak 0.2 peratus bagi Indeks Bukan Makanan.

Manakala Indeks Makanan dan Minuman Ringan pula menunjukkan penurunan sebanyak 0.7 peratus. Peningkatan bagi Indeks Bukan Makanan adalah terutamanya disumbangkan oleh kenaikan harga-harga Pakaihan dan Kasut (9.4 peratus); dan Restoran dan Hotel (0.5 peratus), terutamanya pada harga perkhidmatan katering.

Sementara itu, penurunan bagi Indeks Makanan dan Minuman Ringan adalah didorong oleh penurunan harga daging ayam dan penurunan harga ikan segar daripada negara-negara pembekal.


Demikian antara yang dipaparkan dalam Siaran Akhbar yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik mengenai Indeks Harga Pengguna bagi bulan Februari 2025, hari ini.

Menurut Siaran Akhbar tersebut lagi, bagi perbandingan bulan-ke-bulan, IHP Februari 2025 menunjukkan peningkatan sebanyak 0.3 peratus daripada Januari 2025. Ini adalah didorong oleh peningkatan sebanyak 0.1 peratus bagi Indeks Makanan dan Minuman Ringan; dan sebanyak 0.3 peratus bagi Indeks Bukan Makanan.

Peningkatan bagi Indeks Makanan dan Minuman Ringan adalah terutamanya disumbangkan oleh kenaikan harga Sayur-sayuran (2.3 peratus); dan Susu, Produk Tenuus dan Telur (0.4 peratus). Manakala peningkatan bagi Indeks Bukan Makanan adalah terutamanya didorong oleh Pakaian dan Kasut (7.5 peratus); dan Perhiasan, Perkakasan Ibu Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Ibu Rumah (0.3 peratus).

IHP mengukur perubahan harga bakul barang dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan.

Senarai barang dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperoleh melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Februari 2025 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.



MAJLIS KHATAM AL-QURAN TERUS DISEMARAKKAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

KAMPUNG MANGGIS / MADANG, Sabtu, 22 Mac. - Dalam sama-sama menyemarakkan lagi suasana bulan Ramadan dan mendekatkan diri dengan Al-Quran, Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena Bulan Ramadan Tahun 2025 Masih berlangsung di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang.

Hadir selaku tetamu kehormat

pada majlis tersebut ialah Naib Yang Dipertua I MWNBD, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam binti Pengiran Haji Matarsat. Juga hadir, Naib Yang Dipertua II MWNBD, Datin Hajah Masni binti Haji Md. Ali; Naib Yang Dipertua III MWNBD, Dayang Hajah Kertini binti Orang Kaya Paduka Setia Diraja Abang Haji Abu Hanifah; Ahli-ahli Lembaga Tadbir MWNBD, Yang Dipertua/ketua pesuruhjaya/pengarah/wakil tetap persatuan yang bergabung dalam MWNBD. Seramai lebih kurang 200 ahli

hadir terdiri daripada 13 buah persatuan iaitu Persatuan PERTIWI, Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI), Badan Kebajikan Isteri Pegawai-pegawai Kerajaan, Pegawai-pegawai dan Kakitangan Wanita Kerajaan Brunei (BISTARI), Persatuan Kebajikan Perempuan Daerah Belait (PKP), Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD), Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB), Persatuan Kebajikan Gabungan Wanita Daerah Tutong (PERGANITA), Badan Kebajikan Wanita Perumahan Negara Lambak Kanan (BAKANITA), Persatuan Siswazah Wanita (PSW), Persatuan Belia Kampung Lambak (PERBEKAL), Persatuan Wanita Kampung Junjungan (PEWAJA) Persatuan Nurul Islam (PNI) dan Badan Kebajikan Isteri-isteri Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (BAKTI) hadir pada majlis tersebut.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Selawat Tafrījīyyah beramai-ramai diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin tetamu kehormat.

Acara kemudian diisikan dengan bacaan Khatam Al-Quran bermula daripada Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Massad yang diketuai oleh Dayang Hajah Fatimah binti Haji Ahmad dari Persatuan PERTIWI.



MAJLIS Wanita Negara Brunei Darussalam tidak ketinggalan mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena Bulan Ramadan Tahun 2025 Masih (atas dan bawah).

Ia disusuli dengan bacaan Takhtim diketuai oleh Dayang Hajah Taibah binti Kudi dari Persatuan PKP, Belait dan Doa Khatam dibacakan oleh Pengiran Hajah Rakiah binti Pengiran Haji Abu Bakar selaku Pengurus Bahagian Keagamaan MWNBD.

Sementara itu, Doa Tahlii dibacakan oleh Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani dari PPPBD manakala Dikir Marhaban diketuai oleh Ahli-ahli Persatuan BAKANITA dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan NBD oleh Dayang Messuri binti Musa dari

Persatuan PEWAJA.

Majlis Khatam Al-Quran merupakan salah satu aktiviti tahunan yang diadakan bagi menyemai budaya membaca Al-Quran dalam kalangan ahli-ahli persatuan-persatuan yang bergabung dalam MWNBD.

Selain itu, ia juga bertujuan bagi mengamalkan ajaran-ajaran Al-Quran sebagai amalan harian untuk memohon keredaan Allah, lebih-lebih lagi pada bulan Ramadan yang mulia ini di samping mengeratkan lagi silaturahim di antara ahli-ahli daripada 13 persatuan.



DARI MAHKAMAH Rasuah : Dipenjara 2 tahun

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Mac. - Seorang bekas Pegawai Imigresen, Dayang Hajah Nurul Huda@Hajah Rusiati binti Abdullah, 34 tahun dijatuhi hukuman penjara selama dua tahun atas kesalahan terhadap empat pertuduhan rasuah di bawah Bab 6(a) Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 selepas mengaku bersalah.

Menurut pertuduhan, kesalahan tersebut melibatkan penerimaan ganjaran wang daripada seorang warganegara Indonesia antara Oktober 2023 dan Julai 2024, sebagai pertukaran untuk memudahkan pemergian warga asing dari Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan menyalahi undang-undang tanpa permit masuk semula yang diperlukan, yang melanggar Akta Imigresen, Penggal 17.

Siasatan mendapati bahawa defendant dengan sengaja menerima pembayaran secara tunai dan melalui pindahan bank berjumlah BND500. Pembayaran ini dilakukan sebagai balasan atas bantuannya dalam membenarkan individu asing itu meninggalkan NBD secara haram.

Kesalahan itu terbongkar selepas pihak berkuasa imigresen Malaysia di ICQ Miri mengesahkan perselisihan dalam rekod perjalanan seorang warga asing dan menemui seorang individu yang disembunyikan dalam sebuah kenderaan. Ini mendorong penyiasatan rentas sempadan yang kemudiannya dirujuk kepada Biro Mencegah Rasuah (BMR).

Dalam mitigasi, peguam bela bagi defendant menggesa mahkamah untuk mempertimbangkan keadaan peribadi defendant termasuk pengakuan bersalah awalnya kerjasama semasa siasatan dan jumlah wang yang terlibat yang dianggap kecil dalam usaha untuk mendapatkan hukuman yang lebih ringan.

Pihak pendakwaan, bagaimanapun, menghujahkan bahawa rasuah tanpa mengira jumlahnya akan merosakkan kepercayaan orang ramai dan membawa kepada perpecahan dalam pentadbiran awam, terutamanya apabila dilakukan oleh pegawai penguat kuasa yang memegang tanggungjawab itu.

Semasa menjatuhkan hukuman, mahkamah menekankan keseriusan pelanggaran terhadap kepercayaan orang ramai oleh defendant sebagai seorang pegawai penguat kuasa yang bertanggungjawab menjaga sempadan imigresen NBD.

"Rasuah, walaupun sekecil mana jumlahnya, bersifat menular dan tidak boleh diambil ringan," ujar Majistret Kanan, Dayang Hajah Azrimah binti Haji Abdul Rahman. "Tidak kira betapa kecilnya perbuatan rasuah, ia boleh menimbulkan kebiasaan yang berbahaya. Ia boleh merosakkan integriti negara dan menghakim kepercayaan awam," tambahnya.

Mahkamah seterusnya memutuskan bahawa hukuman penjara adalah perlu bagi mencerminkan keseriusan kesalahan itu serta untuk menyampaikan mesej yang jelas bahawa perbuatan sedemikian tidak boleh diterima demi menjaga kepercayaan orang ramai dan mengekalkan kestabilan negara.

Mahkamah memerintahkan agar hukuman bagi dua daripada empat pertuduhan dijalankan secara berturut-turut manakala hukuman bagi pertuduhan yang selebihnya dijalankan serentak yang membawa kepada jumlah hukuman penjara selama dua tahun, berkuat kuasa mulai tarikh sabitan pada 8 Februari 2025.

Pendakwaan dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Fitri binti Kiprawi manakala defendant diwakili oleh Pengiran Khairul Nizam bin Pengiran Haji Mohd. Yassin dari Tetuan Yusof Halim and Partners.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Mengukuhkan Hubungan Antarabangsa.' Tarikh Tutup : 26 Mac 2025
2. 'Cabaran Peluang Pekerjaan Untuk Generasi Muda.' Tarikh Tutup : 2 April 2025
3. 'Pembayaran Dalam Talian : Selamat Atau Bahaya?' Tarikh Tutup : 9 April 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510

Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

DMIBASAN MINGGUAN

JOHAN Kategori 'E', Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Negara Anggota MABIMS Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi, Awangku Muhammad Abdul Qadir bin Pengiran Haji Ibrahim bergambar kenangan bersama keluarga. - Foto : Azmah Haji Ahad.



SALAH seorang peserta memperdengarkan hafazan masing-masing bagi Kategori Menghafaz 10 Juzuk Al-Quran Berserta Pemahaman Surah At-Taubah pada Majlis Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Negara Anggota MABIMS Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

SEBAHAGIAN daripada anak-anak yatim yang menerima sumbangan daripada Pengarah Syarikat Arzwanna Sdn. Bhd., Awang Haji Jabar Sadiq yang dikendalikan oleh MPK Kampung Sengkurong 'B' pada Majlis Penyampaian Derma bagi Anak-anak Yatim Mukim Sengkurong bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azrie Pg. Haji Nikman.



KEMENTERIAN Kesihatan mengadakan Majlis Bertadarus Al-Quran (bacaan Juzuk 22) yang diselajurkan dengan bacaan Tahliil dan Doa Arwah, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam, Sembahyang Fardu Asar Berjemaah dan Penyampaian Sumbangan Derma Kepada Anak-anak Yatim sempena bulan Ramadan pada tahun ini. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

ANTARA yang menerima sumbangan berbentuk barang asasi keperluan harian Pasar Raya TM Majeed. - Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad.

TANAMKAN NILAI KEIMANAN, UKHUWAH DI BULAN RAMADAN



ANTARA yang hadir mendengarkan Tazkirah Ramadan Minggu Ketiga bertajuk 'Ramadan : Bonding Bersama Keluarga' (atas dan bawah kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Mac. - Bulan Ramadan merupakan peluang bagi kita untuk berkumpul bersama ahli keluarga terdekat bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim.

Ini kerana tarbiah atau pendidikan keluarga di bulan Ramadan ini memiliki peranan sangat penting dalam membentuk karakter atau akhlak setiap ahli keluarga.

Perkara tersebut adalah antara inti pati Tazkirah Ramadan Minggu Ketiga bertajuk 'Ramadan: Bonding Bersama Keluarga' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat

Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Norhayati binti Haji Abdul Rahman yang diadakan di Masjid Ash-Shaliheen.

Tazkirah tersebut merupakan antara program keagamaan dan kebajikan anjuran Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam (PSWNBD) bagi memperkuatkan ukhuwah serta menanamkan nilai-nilai keiman dan kalangan masyarakat dalam kalangan masyarakat dalam bulan Ramadan ini.

Antara program yang telah dan akan dilaksanakan persatuan berkenaan sepanjang bulan Ramadan ialah Majlis Berbuka

Puasa, Sesi Tazkirah Mingguan, pengagihan pek berbuka puasa, serta Program Santunan Kasih kepada golongan yang memerlukan.

PSWNBD berharap agar program-program ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat dalam memperkuatkan nilai-nilai keagamaan dan semangat kebersamaan sepanjang bulan yang penuh keberkatan ini.

PSWNBD, ditubuhkan pada 5 Februari 1990, ialah sebuah organisasi bukan kerajaan yang telah aktif selama lebih 30 tahun dalam perkhidmatan masyarakat.

Dengan keanggotaan yang terdiri

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit



TAZKIRAH disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Norhayati binti Haji Abdul Rahman.



daripada ramai profesional, PSWNBD sentiasa menganjurkan program yang memberi impak dalam bidang pendidikan, kebajikan, dan pembangunan profesional.

SMARTER Brunei anjur Majlis Khatam Al-Quran



PEMANGKU Ketua Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Awang Eddy Fazlin bin Haji Amdan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut (atas), manakala gambar kiri, seramai 60 peserta terdiri daripada 22 pelajar autisme dan kakitangannya diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran bersempena dengan Hari Kesedaran Autisme Sedunia.

Siaran Akhbar dan Foto : SMARTER Brunei

dalam suasana yang menyokong sambil belajar jawi dan membaca surah-surah.

Mengiktiraf kesan positifnya, SMARTER Brunei komited untuk meneruskan inisiatif ini di luar Ramadan, memastikan individu autistik mempunyai akses kepada pendidikan agama dan pengayaan rohani.

"Ramadan tahun ini sangat bermakna kerana kita melihat lebih banyak pelajar menyertai lawatan masjid, belajar Jawi dan menyertai bacaan Al-Quran. Ini merupakan satu langkah ke

hadapan dalam memupuk keyakinan dan keterangkuman di ruang keagamaan," ujar Ketua Pegawai Eksekutif SMARTER Brunei, Dayang Sharifah Adila Surya binti Malai Haji Abdullah.

SMARTER Brunei akan meneruskan misi untuk memperkasakan individu autistik melalui pendidikan, iman dan penglibatan masyarakat. Organisasi ini tetap didedikasikan untuk menganjurkan pemahaman, penerimaan dan sokongan yang lebih besar untuk komuniti autisme di negara ini.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Mac. - SMARTER Brunei baru-baru ini meraikan seramai 60 peserta terdiri daripada 22 pelajar autisme dan kakitangannya pada Majlis Khatam Al-Quran bersempena dengan Hari Kesedaran Autisme Sedunia. Kejayaan rohani ini menggariskan ketekunan, dedikasi dan potensi individu dengan autisme (*individuals with*

autism) di negara ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Ketua Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Awang Eddy Fazlin bin Haji Amdan.

Adapun tujuan diadakan majlis ini adalah untuk meraikan pencapaian pelajar yang telah menyelesaikan bacaan Al-Quran mereka, menekankan pentingnya

keterangkuman dalam amalan agama dan kebudayaan.

Sebagai tambahan, SMARTER Brunei juga meneruskan Inisiatif Melawat Masjid pada bulan Ramadan ini, dengan peningkatan yang signifikan dalam penyertaan pelajar.

Program ini memberikan peluang kepada para pelajar mengalami persekitaran masjid

KEPENTINGAN TINDAKAN KOLEKTIF DALAM MEMACU USAHA KEMAMPANAN



KEMPEN berkenaan bertujuan untuk mempromosi usaha kitar semula dan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kelestarian (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Mac. - Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) mengesahkan komitmennya terhadap kelestarian alam sekitar dengan menganjurkan Kempen Kitar Semula sempena Global Recycling Day baru-baru ini.

Kempen Kitar Semula berkenaan dijalankan dengan kerjasama Daikyo Environmental Recycling Sdn. Bhd., sebuah syarikat kitar semula tempatan yang terkemuka.

Kempen yang diadakan di kawasan pemunggahan JPMC berkenaan dianjurkan oleh Jabatan Pentadbiran Am, JPMC.

Pemangku Ketua Pegawai Operasi JPMC, Bun Pei Ling,

menyertai inisiatif berkenaan bersama pasukan pengurusan kanan dan kakitangan JPMC yang lain, menekankan kepentingan tindakan kolektif dalam memacu usaha kemampunan.

Kempen berkenaan bertujuan untuk mempromosi usaha kitar semula dan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kelestarian. Dengan tumpuan utama pada kitar semula kertas, inisiatif berkenaan menyerlahkan cara mengurangkan sisa kertas dapat membantu membendung penebangan hutan, menjimatkan tenaga dan meminimumkan sisa tapak pelupusan.

Kakitangan JPMC bersemangat menyumbang dengan membawa kertas dari pejabat, gudang dan rumah mereka untuk dikitar semula. Antara barang yang dikumpul termasuk kadbad, majalah, buku, surat khabar dan produk kertas lain.

Kempen berkenaan mencapai satu pencapaian yang luar biasa dengan berjaya mengumpul sejumlah 1,024 kilogram (lebih 1 tan) sisa kertas. Pencapaian

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Perubatan Jerudong Park

berkenaan menggariskan dedikasi JPMC untuk menyokong matlamat kelestarian Negara Brunei Darussalam, selaras dengan pendekatan Whole of Nation terhadap tanggungjawab dalam melindungi alam sekitar.

JPMC kekal teguh dalam misinya untuk menyepakadkan amalan mampan ke dalam

operasinya sekali gus memberi inspirasi kepada perubahan positif dalam komuniti. Pusat perubatan itu juga menggalakkan semua orang untuk menyertai gerakan ke arah penjagaan alam sekitar dan menjadikan kitar semula sebagai sebahagian daripada kehidupan sehari-hari mereka.



Semangat kebersamaan, kepedulian dalam membantu golongan memerlukan



TUTONG, Sabtu, 22 Mac. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT) dan badan pelajar Halalan Thayyiban Student Society (HTSS) dengan kerjasama Pusat Makmal Saintifik Ibnu Sina baru-baru ini menjalankan Program Jalinan Kasih Semanis Ukhwah, bertempat di Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE), Daerah Tutong.

Program berkenaan menjadi platform bagi warga UNISSA untuk bersedekah dengan menyediakan 1,018 pak makanan dan diagihkan secara percuma kepada penduduk Daerah Tutong menerusi kaedah pandu lalu di pekarangan PKWE.

Turut sama hadir pada

pengagihan berkenaan, Pengarah PPHT, Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim; Ketua Pusat Makmal Saintifik Ibnu Sina, Dr. Cristalina binti Jalil Marsal serta tenaga akademik dan pelajar UNISSA.

Program berkenaan berjaya direalisasikan melalui sumbangan ikhlas daripada warga UNISSA yang dikumpulkan bermula 10 hingga 13 Mac 2025.

Sumbangan berkenaan mencerminkan semangat kebersamaan dan kepedulian masyarakat kampus dalam membantu golongan yang memerlukan, terutamanya dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan.

Program berkenaan turut mendapat sokongan penuh daripada Ahli-ahli PKWE yang diketuai oleh Pengurus PKWE Tutong, Awang Haji Hammafi bin Haji Mohd. Yassin. Penglibatan mereka bukan sahaja membantu melancarkan proses penyediaan makanan tetapi juga memberikan ruang bagi interaksi antara generasi dengan warga emas dan mahasiswa UNISSA dapat berkongsi pengalaman, nilai murni serta semangat kebersamaan dalam menjalankan kerja amal.

Penyediaan dan pengagihan pak makanan berkenaan telah berjaya dilaksanakan dengan bantuan daripada 30 sukarelawan terdiri daripada pelajar UNISSA

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali melalui Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban dan badan pelajar Halalan Thayyiban Student Society dengan kerjasama Pusat Makmal Saintifik Ibnu Sina semasa menjalankan Program Jalinan Kasih Semanis Ukhwah (atas dan kiri).

dengan sokongan daripada Ahli PKWE.

Aktiviti berkenaan bukan sahaja mengukuhkan ukhwah dalam kalangan warga kampus, malah turut memberi manfaat kepada masyarakat setempat terutama dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan.

Program berkenaan juga selaras dengan usaha UNISSA dan Negara Brunei Darussalam dalam menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) khususnya SDG1 : No Poverty dan SDG2 : Zero Hunger.

Selain membantu golongan yang memerlukan, inisiatif berkenaan memupuk semangat kepedulian, keprihatinan dan tanggungjawab sosial dalam

kalangan mahasiswa UNISSA.

Objektif utama program berkenaan adalah untuk menggalakkan amalan bersedekah sebagai amal jariah terutama dalam bulan suci Ramadan. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memupuk rasa empati terhadap golongan memerlukan, mengeratkan hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala serta memperkuuh nilai-nilai murni dalam kalangan sukarelawan.

Dengan adanya program seperti berkenaan, diharapkan lebih ramai mahasiswa akan terdorong untuk terus berbakti kepada masyarakat dan menjadikan amalan kebajikan sebagai sebahagian daripada gaya hidup.

SIRAH AMAL BANTU GOLONGAN KURANG BERKEMAMPUAN

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam



KOMITMEN Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) untuk menyokong komuniti kurang bernasib baik di negara ini melalui inisiatif seperti Program Sirah Amal dan kerjasama dengan Jalinan Kasih RTB (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Mac. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) baru-baru ini menamatkan program tahunan Sirah Amal untuk tahun ke-15 dalam menyambut ketibaan bulan yang penuh keberkatan.

Tahun ini, lebih 120 kakitangan berganding bahu, mengunjungi 100 rumah di seluruh negara untuk mengagihkan bekalan bantuan asasi.

Sumbangan berkenaan termasuk baucar beli-belah dan makanan serta keperluan raya, bertujuan untuk meringankan persiapan penerima bagi

menyambut Ramadan dan Syawal akan datang.

Para penerima termasuk pelajar BIBD ALAF (60 rumah) dan mualaf kurang berkemampuan (40 rumah), yang dikenal pasti dengan kerjasama erat dengan Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

"Inisiatif ini mencerminkan komitmen kami yang tidak berbelah bahagi kepada Maqasid Syariah, khususnya kepentingan keadilan sosial dan pembangunan masyarakat yang penuh kasih sayang.



Dengan menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan, kami secara aktif menyumbang ke arah masyarakat yang lebih saksama dan harmoni," kata Ketua Pegawai Pemasaran BIBD, Dayang Hajah Nurul Akmar binti Haji Mohd. Jaafar.

Dayang Hajah Nurul Akmar seterusnya menjelaskan, BIBD akan terus mengukuhkan komitmennya ke arah menyelaraskan usaha dengan Wawasan Brunei 2035 dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Pendekatan komprehensif kami terhadap kemampaman katanya, merangkumi tanggungjawab sosial dan alam sekitar, menggariskan komitmen kami untuk mewujudkan impak positif yang berkekalan.

"Melalui inisiatif seperti Sirah Amal dan sokongan berterusan kami terhadap program seperti

Radio Televisyen Brunei (RTB), kami membina komuniti Jalinan Kasih yang lebih berdaya tahan," ujarnya lagi.

Program Sirah Amal telah bermula pada 21 Februari lalu di Daerah Brunei dan Muara dan diperluaskan ke keempat-empat daerah. Inisiatif berkenaan diketuai oleh pengurusan kanan BIBD dan melibatkan penyertaan aktif daripada kakitangan di semua peringkat. BIBD terus menekankan kepentingan kelestarian holistik, merangkumi kebajikan sosial dan penjagaan alam sekitar.

BIBD juga menyokong program Jalinan Kasih RTB pada 26 Februari lalu, mengukuhkan dedikasi kakitangannya terhadap pembangunan masyarakat dan kebajikan sosial, terutamanya dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, di mana setiap amal kebajikan mendapat ganjaran berlipat ganda.

Komitmen BIBD untuk

menyokong komuniti kurang bernasib baik di negara ini melalui inisiatif seperti Program Sirah Amal dan kerjasama dengan Jalinan Kasih RTB.

Tindakan ini berakar umbi dalam dedikasi BIBD untuk memupuk masa depan yang lebih saksama dan mampan untuk Negara Brunei Darussalam (NBD), sejajar secara langsung dengan SDG Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Komitmen BIBD terhadap tanggungjawab sosial juga berakar umbi dalam kepercayaan bahawa masa depan yang mampan adalah masa depan di mana setiap orang berpeluang untuk maju.

Dengan melabur dalam kesejahteraan masyarakat, BIBD sedang meletakkan asas untuk masa depan yang lebih adil dan mampan untuk NBD, menyokong matlamat Wawasan Brunei 2035, dengan membantu mewujudkan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Operasi Panyap kesan pelbagai kesalahan

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Mac. - Dalam menguatkuasakan Akta dan Peraturan yang dipertanggungjawabkan di bawah Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) termasuk Akta Anti Pemerdagangan Orang, Penggal 230 dan Akta Pencegahan

Penyeludupan Orang, Penggal 229, JIPK melalui Bahagian Penguatuasaan Undang-undang telah pun melaksanakan tiga Operasi Panyap yang mana menyasarkan kepada beberapa kawasan di Negara Brunei Darussalam.

Operasi Panyap 27 / 2025 telah menyasarkan di rumah-rumah dan

bilik-bilik sewa di Mukim Kilanas. Hasil pemeriksaan didapati 10 warga asing telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatuasaan Undang-undang.

Lapan daripadanya dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 9(4), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan dan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen mereka mansuh dan dua warga asing dipercayai melakukan kesalahan Peraturan 35(1), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bersubahat melakukan kesalahan imigresen dan gagal mengemukakan sebarang dokumen asal.

Sementara Operasi Panyap 28 / 2025 pula menyasarkan di Projek Pengubahsuaian Rumah di Mukim Kuala Belait dan mendapati empat warga asing telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatuasaan Undang-undang setelah gagal mengemukakan dokumen yang lengkap dan dua orang daripadanya juga turut dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja bukan dengan majikan



JABATAN Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan melalui Bahagian Penguatuasaan Undang-undang semasa melaksanakan Operasi Panyap (atas dan kiri).


asal.

Bagi Operasi Panyap 29 / 2025 yang menyasarkan di gerai-gerai jualan makanan dan minuman di Mukim Kianggeh dan Mukim Gadong 'A' telah berhasil menahan dua warga asing didapati melakukan kesalahan Peraturan 9(4), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja menggunakan Pas

Lawatan.


JIPK mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen dengan menghubungi ke Talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).

Ciri Penilaian Risiko dalam Aplikasi BruHealth



Langkah 1

Akses Ciri Penilaian Risiko melalui halaman **Perubatan**



Langkah 2

Pilih saringan kesihatan yang berkaitan



Langkah 3

Jawab soalan yang berkaitan



Langkah 4

Jika awda disarankan untuk membuat saringan, awda boleh terus membuat perjanjian di Pusat Kesihatan

Kesan awal kanser kolorektal melalui saringan

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim, Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Ihsan Kementerian Kesihatan

Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

BERSEMPENA dengan Bulan Kesedaran Kanser Kolorektal yang disambut pada bulan Mac di seluruh dunia, orang ramai disaraskan untuk sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat bagi mencegah kanser kolorektal dan melakukan pengesanan awal melalui ujian saringan. Saringan kesihatan adalah satu kaedah sangat berkesan dan kos efektif dalam menangani penyakit-penyakit tidak berjangkit termasuk kanser. Ianya berperanan penting dalam mencegah dan mengesan penyakit ini pada peringkat awal sebelum ia memudaratkan dalam kalanjar mereka yang tidak atau belum menunjukkan sebarang tanda atau gejala penyakit.

Menurut Pelan Tindakan Pelbagai Sektor bagi Pencegahan dan Pengawalan Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit Negara Brunei Darussalam 2021 - 2025 (BRUMAP - NCD 2021 - 2025), sasaran untuk saringan kanser kolorektal adalah untuk mencapai peningkatan 50 peratus dalam populasi yang layak disaring menjelang 2025.

Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan

Pegawai Perubatan di Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Brunei (Brunei Centre for Disease Control and Prevention), Dr. Siti Zuhriini binti Haji Kahan berkata, ujian saringan bagi kanser kolorektal telah diperkenalkan di Negara Brunei Darussalam (NBD) pada tahun 2019 melalui Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan. Program ini ujarnya bertujuan untuk mengesan penyakit pada peringkat awal yang mana penyakit tersebut akan lebih mudah dirawat dan ini akan dapat mengelakkan atau mengurangkan komplikasi penyakit.

"Pemeriksaan kanser kolorektal ini melibatkan ujian najis, di mana awda

diperlukan untuk memberi sampel najis untuk diperiksa di makmal bagi mengesan darah dalam najis. Ujian najis yang digunakan dikenali sebagai Faecal Immunochemical Test (FIT) atau Ujian Immunokimia Najis dengan tujuan untuk mengesan darah dalam sampel najis. Ujian ini menggunakan sampel najis yang telah diambil dari bekas simpanan najis dan ia dapat mengesan darah yang tersembunyi dalam najis menggunakan antibodi khusus," jelas Dr. Siti Zuhriini.

Ujian ini tidak memerlukan prosedur yang invasif. Orang ramai hanya perlu mengambil contoh najis ke dalam bekas simpanan najis yang disediakan dan ini boleh dilakukan sendiri di rumah. Mereka hanya perlu menghantar bekas tersebut ke pusat kesihatan yang berdekatan pada hari yang sama. Ujian ini juga sangat berkesan dalam membantu mengesan perubahan awal dalam usus yang mungkin menjadi petanda awal kanser kolorektal.

Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal ini terbuka kepada semua warganegara dan penduduk tetap NBD yang berumur 50 hingga 75 tahun dan tidak pernah mempunyai sejarah kanser kolorektal; tidak menjalani pemeriksaan najis untuk mengesan darah dalam tempoh dua tahun kebelakangan dan tidak menjalani kolonoskopi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan.

Saringan Kanser Kolorektal melalui BruHealth

Dr. Siti Zuhriini seterusnya menjelaskan ujian saringan perlu dibuat setiap dua tahun sekali, manakala umur yang disarankan untuk membuat ujian saringan adalah 50 hingga 75 tahun. Dalam hubungan ini, mereka yang di bawah umur 50 tahun adalah tidak layak bagi program pemeriksaan ini, namun jika mereka mempunyai tanda-tanda atau

simptom, mereka perlu mendapatkan pemeriksaan segera kerana juga terdapat kanser kolorektal di bawah umur 50 tahun. Sesiapa yang memenuhi kesemua kriteria tersebut bolehlah membuat perjanjian melalui aplikasi BruHealth dengan mengakses 'Saringan Kanser Kolorektal' melalui ciri 'Penilaian Risiko'.

Menurut Dr. Siti Zuhriini lagi, ciri ini telah diperkenalkan dalam aplikasi BruHealth untuk membolehkan pengguna menempah terus perjanjian saringan pemeriksaan kanser kolorektal tanpa perlu hadir ke Pusat Kesihatan di kawasan masing-masing.

Mendaftar di pusat kesihatan

Sementara itu, bagi mereka yang tidak dapat membuat perjanjian melalui aplikasi BruHealth, mereka boleh hadir ke pusat kesihatan yang berdekatan untuk mendaftar bagi program pemeriksaan kanser kolorektal di mana jururawat pemeriksaan kesihatan akan menghubungi mereka untuk memaklumkan tarikh perjanjian masing-masing.

Jururawat pemeriksaan kesihatan akan memaklumkan untuk mengambil bekas simpanan najis seminggu sebelum perjanjian di pusat kesihatan yang berdekatan. Awda perlu mengambil contoh najis dan memasukkannya ke dalam bekas simpanan najis kemudian sampel tersebut harus dihantar ke Kaunter Perkhidmatan Phlebotomi di pusat kesihatan yang ditetapkan pada hari yang sama. Sampel kemudiannya akan dihantar ke makmal untuk ujian selanjutnya.

"Keputusan ujian akan dijelaskan oleh jururawat pemeriksaan kesihatan semasa perjanjian diadakan dan jika keputusan ujian najis adalah negatif, awda akan dijemput semula untuk melakukan ujian saringan dalam tempoh dua tahun. Manakala jika keputusan ujian najis adalah positif, awda akan dirujuk ke Klinik Gastroenterologi untuk pemeriksaan lanjut,"

jelasnya lagi.

Namun tegas beliau, keputusan ujian najis yang positif tidak semestinya bermaksud individu tersebut mempunyai kanser kolorektal, kerana terdapat keadaan lain yang juga menyebabkan darah dalam najis seperti polip atau keradangan usus besar. Bagaimanapun keputusan positif memerlukan pemeriksaan lanjut untuk mengenal pasti punca darah dalam najis. Ini biasanya melibatkan konsultasi bersama pakar Gastroenterologi dan prosedur kolonoskopi.

Kolonoskopi

Kolonoskopi adalah satu prosedur untuk memeriksa bahagian dalam usus besar dan rektum. Sebuah tiub sebesar saiz jari telunjuk yang terdapat kamera kecil dihujungnya akan dimasukkan melalui bahagian belakang (dubur) dan seterusnya ke dalam usus besar. Sebelum prosedur dimulakan, ubat sedatif akan diberikan bagi membantu menenangkan dan mengurangkan ketidakselesaan individu berkenaan. Prosedur itu sendiri akan mengambil masa kurang lebih 30 minit.

Dengan menjalani saringan secara berkala, kanser kolorektal boleh dikesan lebih awal, sebelum adanya tanda-tanda atau simptom. Ini dapat meningkatkan peluang rawatan yang lebih berkesan dan mengurangkan risiko komplikasi. Namun, kadar penyertaan dalam saringan kanser kolorektal masih rendah, walaupun ujian ini mudah dan tidak menyakitkan.

"Jika awda berumur di antara 50 ke 75 tahun, jangan lepaskan peluang untuk menjalani saringan kesihatan! Apatah lagi saringan ini diberikan secara percuma buat warganegara dan penduduk tetap di negara ini," ujarnya.

Selain itu, mengamalkan gaya hidup yang sihat adalah penting untuk mengurangkan risiko mendapat kanser kolorektal.



JEPUN, CHINA, KOREA SELATAN SEPAKAT PROMOSI KERJASAMA BERORIENTASI MASA DEPAN

TOKYO, 22 Mac. - Menteri Luar Jepun, China dan Korea Selatan bersetuju untuk mempromosikan kerjasama berorientasi masa depan semasa pertemuan mereka di Tokyo pada Sabtu, di tengah-tengah ketidaktentuan yang semakin meningkat mengenai perdagangan dan keselamatan global sejak Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump kembali ke Rumah Putih.

Kyodo News melaporkan bahawa Menteri Luar Jepun, Takeshi Iwaya berkata selepas rundingan tiga hala bahawa beliau dan rakan sejawatnya dari China dan Korea Selatan, Wang Yi dan Cho Tae Yul, turut bersetuju untuk mempercepatkan persiapan bagi mengadakan sidang kemuncak secepat mungkin dan pada masa yang sesuai, susulan sidang yang diadakan tahun lepas.

"Adalah amat penting bagi ketiga-tiga negara, untuk mempromosikan pertukaran dan kerjasama yang berorientasi masa depan, serta membimbang rantau ini dan masyarakat

antarabangsa daripada perpecahan kepada kerjasama," kata Iwaya dalam sidang akhbar bersama.

Pada awal pertemuan itu, Wang menyatakan kesediaan China untuk membina hubungan kerjasama tiga hala, dengan menegaskan bahawa negaranya akan sentiasa meneroka potensi kerjasama.

Namun, beliau turut memberikan amaran kepada Jepun mengenai isu sejarah, dengan menyatakan bahawa tahun ini menandakan ulang tahun ke-80 berakhirnya apa yang dirujuk oleh China sebagai Perang Penentangan terhadap Pencerobohan Jepun 1937-1945.

"Masa depan hanya boleh dicipta selepas merenung sejarah dengan ikhlas," kata Menteri Luar China itu.

Mengenai perang Rusia ke atas Ukraine, Iwaya mengulangi pendirian Jepun bahawa sebarang cubaan unilateral untuk mengubah status quo melalui kekerasan tidak boleh diterima di mana-mana sahaja di dunia dan menyuarakan kebimbangan mengenai kerjasama ketenteraan Korea Utara dengan Rusia.

Beliau turut menegaskan

bahawa program pembangunan senjata nuklear dan peluru berpandu Korea Utara menjadi sumber kebimbangan, serta menyaru kerjasama bagi menyelesaikan isu penculikan rakyat Jepun oleh Pyongyang beberapa dekad lalu.

Sementara itu, Cho berkata ketiga-tiga negara perlu berusaha merealisasikan *denuclearisation* menyeluruh di Korea Utara.

Jepun telah melihat peningkatan dalam hubungan dengan China dan Korea Selatan walaupun terdapat pertikaian mengenai sejarah perang dan wilayah.

Mesyuarat menteri luar tiga hala itu kali terakhir diadakan di bandar pelabuhan Busan, Korea Selatan, pada November 2023, manakala sidang kemuncak berlangsung di Seoul pada Mei 2024.

China kini berdepan krisis sektor harta tanah yang berlarutan, manakala Korea Selatan bergelut dengan krisis politik susulan Presiden Yoon Suk Yeol menunggu keputusan pendakwaannya selepas melaksanakan undang-undang tentera secara singkat pada Disember lalu.

Penggal kedua Trump yang bermula pada Januari menambah

dimensi baharu kepada kerjasama dua hala dan tiga hala antara ketiga-tiga negara Asia itu, dengan bayangan perang perdagangan yang semakin sensitif serta persaingan antara Beijing dan Washington. Jepun dan Korea Selatan merupakan sekutu AS.

Dalam sidang kemuncak trilateral sebelum ini, Perdana Menteri Jepun ketika itu, Fumio Kishida, Perdana Menteri China Li Qiang dan Yoon bersetuju mempercepatkan rundingan ke arah pemeteraan pakatan perdagangan bebas tiga hala, serta menekankan kepentingan *denuclearisation* Korea Utara.

Sebelum itu, negara-negara

berkenaan tidak mengadakan sidang kemuncak trilateral sejak Disember 2019, terutamanya akibat pandemik COVID-19 serta pertikaian antara Jepun dan Korea Selatan mengenai buruh paksa zaman perang dan isu wilayah, menurut Kyodo.

Pegawai kanan ketiga-tiga negara dalam pertemuan di Tokyo pada Oktober tahun lepas turut mengesahkan bahawa mereka akan meneruskan perbincangan mengenai projek kerjasama yang saling menguntungkan dalam enam bidang, termasuk kerjasama ekonomi, pertukaran manusia dan bantuan bencana. - ©BERNAMA

Empat maut dalam runtuhan lombong di Peru

LIMA, 22 Mac. - Sekurang-kurangnya empat orang maut dan empat lagi cedera apabila sebuah lombong runtuh di selatan Peru, menurut media tempatan pada Jumaat, lapor Xinhua.

Kejadian itu berlaku pada 18 Mac di lombong Santa Maria-Lunar de Oro di La Rinconada, sebuah bandar perlombongan di kawasan tanah tinggi wilayah Puno.

Menurut agensi berita Andina, tiga pekerja maut di dalam lombong, manakala seorang lagi meninggal dunia dalam perjalanan ke pusat perubatan.

Operasi menyelamat dilakukan dalam keadaan ekstrem, dengan pasukan penyelamat turun hampir 300 meter bagi mengeluarkan mayat mangsa. - ©BERNAMA

Trump umum boeing bina jet pejuang generasi baharu AS

WASHINGTON, 22 Mac. - Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump pada Jumaat mengumumkan pemberian kontrak bagi pembangunan jet pejuang generasi baharu Tentera Udara AS kepada Boeing, lapor Xinhua.

Trump berkata di Pejabat Oval bahawa pesawat pejuang F-47 itu akan menjadi pesawat paling canggih, paling berkeupayaan dan paling berbahaya pernah dibina.

Trump dalam video yang dimuat naik di platform X mendakwa F-47 adalah jet pejuang generasi keenam pertama di dunia.

"Kontrak bagi Platform Penguasaan Udara Generasi Baharu (F-47) adalah satu lonjakan besar dalam memastikan penguasaan udara AS untuk dekad-dekad akan datang," kata Ketua Turus Tentera Udara AS, Jeneral David Alvin dalam satu kenyataan.

"F-47 akan mempunyai jarak operasi lebih jauh, keupayaan siluman lebih canggih, lebih mampan, lebih mudah diselenggara serta tahap kesiapsiagaan lebih tinggi berbanding pesawat pejuang generasi kelima kami," tambahnya.

Kontrak Kejuruteraan dan Pembangunan Pembuatan (EMD) bagi program itu dianggarkan bernilai kira-kira AS\$20 bilion. - ©BERNAMA

Kementerian Luar Turkiye kecam serangan ke atas Konsulat Iraq di Istanbul

ISTANBUL/ANKARA, 22 Mac. - Penyerang bermotosikal melepaskan tembakan ke arah Konsulat Jeneral Iraq di Turkiye pada Jumaat malam, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Jurucakap Kementerian Luar Turkiye, Oncu Keceli mengesahkan kejadian itu.

Tiada kemalangan jiwa atau kerosakan material dilaporkan.

Beliau menegaskan bahawa pasukan keselamatan telah melancarkan siasatan menyeluruh bagi mengenal pasti pelaku dan memastikan mereka dibawa ke muka pengadilan.

Keceli turut memberi jaminan bahawa Turkiye terus berkoordinasi rapat dengan pegawai Iraq dan telah mengambil langkah perlu bagi melindungi misi diplomatik negara itu di Ankara, Istanbul dan Gaziantep.

Serangan itu berlaku di daerah Sisli, apabila dua individu bersenjata yang menaiki motosikal melepaskan tembakan dengan senjata laras panjang ke arah bangunan konsulat di kejiran Esentepe.

Penyerang melarikan diri sejurus selepas kejadian.

Pihak berkuasa kini sedang berusaha mengesan serta menahan suspek. - ©BERNAMA

2 juruterbang Korea Selatan digantung tugas setahun selepas pengeboman tidak sengaja

SEOUL, 22 Mac. - Tentera Udara Korea Selatan pada Jumaat mengantung tugas dua juruterbang selama setahun selepas mereka secara tidak sengaja menjatuhkan beberapa bom di sebuah perkampungan awam awal bulan ini, menyebabkan puluhan penduduk cedera, lapor Agensi Berita Yonhap.

Pada 6 Mac, dua jet pejuang KF-16 menjatuhkan lapan bom MK-82 di luar kawasan latihan di Pocheon, kira-kira 40 kilometer di utara Seoul, semasa latihan menembak menggunakan bom

sebenar, menyebabkan 52 orang cedera, termasuk 38 orang awam.

Tentera Udara mendakwa kedua-dua juruterbang atas tuduhan kecuaian menyebabkan kecederaan serta menjalankan semakan kelayakan mereka. Di bawah proses semakan disiplin, individu yang bertanggungjawab atas salah laku boleh dikenakan hukuman pengantungan tugas hingga pemecatan.

Keputusan pengantungan dibuat kerana siasatan mengenai insiden itu masih berjalan dan semakan kelayakan tambahan

akan dilakukan selepas kementerian pertahanan selesai menjalankan siasatan, menurut seorang pegawai Tentera Udara.

Dalam siasatan awal yang dikeluarkan awal bulan ini, Tentera Udara mendapati kesilapan juruterbang dalam memasukkan koordinat sasaran yang salah adalah punca utama kejadian pengeboman tidak sengaja itu.

Tentera Udara turut memecat dua komander unit kerana gagal memberikan arahan khusus kepada anggota bawahan mereka. - ©BERNAMA

Lapangan Terbang Heathrow London sambung semula beberapa penerbangan

LONDON, 22 Mac. - Lapangan Terbang Heathrow London pada Jumaat mengumumkan ia akan menyambung semula beberapa penerbangan susulan gangguan bekalan elektrik yang menyebabkan gangguan meluas, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Dalam satu kenyataan, jurucakap Heathrow memohon maaf atas kesulitan yang berlaku dan mengesahkan bahawa usaha pemulihan operasi telah dijalankan sejak kejadian itu berlaku.

"Pasukan kami telah bekerja tanpa henti sejak insiden itu bagi memastikan pemulihan segera. Kami berbesar hati untuk memaklumkan bahawa kami kini dapat memulakan beberapa penerbangan dengan selamat pada lewat hari ini," katanya.

Penerbangan pertama yang akan berlepas ialah penerbangan repatriasi dan penerbangan bagi

tujuan pemindahan pesawat. Lapangan terbang itu menggesa penumpang supaya tidak melakukan perjalanan kecuali jika dinasihatkan secara khusus oleh syarikat penerbangan mereka.

"Kami kini akan bekerjasama dengan syarikat penerbangan untuk membawa pulang penumpang yang telah dilencengkan penerbangannya ke lapangan terbang lain di Eropah," tambah jurucakap itu. "Kami berharap dapat menjalankan operasi penuh esok dan akan memberikan maklumat lanjut dalam tempoh terdekat."

Heathrow turut menekankan cabaran untuk memulihkan operasi penuh memandangkan lapangan terbang itu menggunakan tenaga sebanyak sebuah bandar kecil.

British Airways telah mendapat kebenaran untuk lapan penerbangan jarak jauh berlepas

dari Lapangan Terbang Heathrow pada Jumaat, bermula 7 malam waktu tempatan, menurut kenyataan syarikat penerbangan itu.

Lapangan terbang itu kini sedang menghubungi pelanggan dengan segera untuk memaklumkan mereka agar mereka dapat menuju ke lapangan terbang, tambah kenyataan itu.

Lebih 100,000 pelanggan British Airways telah mengalami pembatalan penerbangan.

Anadolu melaporkan bahawa Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) mengkritik pengurusan Heathrow selepas gangguan bekalan elektrik memaksa penutupan lapangan terbang itu kerana ia bergantung kepada satu sumber kuasa, mencetuskan kekacauan perjalanan global. - ©BERNAMA

Penyerang bermotosikal melepaskan tembakan ke arah Konsulat Jeneral Iraq di Turkiye pada Jumaat malam, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Jurucakap Kementerian Luar Turkiye, Oncu Keceli mengesahkan kejadian itu.

Tiada kemalangan jiwa atau kerosakan material dilaporkan.

Beliau menegaskan bahawa pasukan keselamatan telah melancarkan siasatan menyeluruh bagi mengenal pasti pelaku dan memastikan mereka dibawa ke muka pengadilan.

Keceli turut memberi jaminan bahawa Turkiye terus berkoordinasi rapat dengan pegawai Iraq dan telah mengambil langkah perlu bagi melindungi misi diplomatik negara itu di Ankara, Istanbul dan Gaziantep.

Serangan itu berlaku di daerah Sisli, apabila dua individu bersenjata yang menaiki motosikal melepaskan tembakan dengan senjata laras panjang ke arah bangunan konsulat di kejiran Esentepe.

Penyerang melarikan diri sejurus selepas kejadian.

Pihak berkuasa kini sedang berusaha mengesan serta menahan suspek. - ©BERNAMA

PARIS UNDI CADANGAN ZON BEBAS KERETA DI RATUSAN JALAN BANDAR



PARIS, 23 Mac. - Penduduk Paris dijemput mengundi pada Ahad untuk menentukan sama ada zon bebas kenderaan akan diwujudkan di kawasan itu, lapor agensi berita Jerman dpa.

Jika majoriti menyokong rancangan berkenaan, sebanyak 500 jalan di seluruh bandar akan dihijaukan dan dijadikan zon pejalan kaki.

Langkah itu akan menyebabkan kehilangan 10,000 tempat letak kereta dan pemandu perlu bersedia menghadapi laluan lengongan.

Pusat pengundian dibuka dari 9 pagi (0800 GMT) selama 10 jam bagi membolehkan hampir 1.4 juta pengundi berdaftar di bandar itu menyertai referendum.

Buat kali pertama, remaja berusia 16 dan 17 tahun juga dibenarkan mengundi, dengan keputusan dijangka diumumkan lewat malam.

Setakat ini, masih belum jelas

jalan mana yang bakal terlibat dalam inisiatif mengurangkan kesesakan.

Menurut perancangan, kira-kira 25 jalan bagi setiap arrondissement atau daerah bandar mungkin terjejas.

Secara keseluruhan, Paris mempunyai lebih 6,000 jalan, dengan sekitar 220 daripadanya sedar pun bebas kenderaan.

Dalam beberapa kes, larangan kenderaan berhampiran sekolah

telah dikuatkuasakan.

Ini merupakan kali ketiga penduduk Paris mengundi isu berkaitan pengangkutan dalam beberapa tahun kebelakangan ini, selepas referendum yang

melarang penyewaan skuter elektrik pada April 2023 dan menaikkan kadar parkir bagi kenderaan berat pada Februari 2024. - ©BERNAMA

Sistem ramalan cekap kunci kurangkan risiko bencana

KUALA LUMPUR, 23 Mac. - Kepentingan sistem ramalan yang cekap dan respons pantas terhadap perubahan cuaca adalah kunci untuk mengurangkan risiko bencana.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamid turut berterima kasih kepada Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) kerana tidak pernah jemu menyampaikan maklumat cuaca dengan tepat dan

pantas demi keselamatan rakyat.

"Anda 'barisan hadapan cuaca', dalam memastikan negara lebih bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.

Semoga usaha ini terus dihargai dan menyedarkan masyarakat tentang kepentingan maklumat cuaca dalam kehidupan searian. Teruskan berkhidmat dengan penuh dedikasi, para pahlawan cuaca," katanya menerusi hantaran di Facebook.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid yang juga Pengurus Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara turut mengucapkan selamat menyambut Hari Meteorologi Sedunia 2025 yang diraikan hari ini.

"Tema tahun ini, 'Bersama Rapatkan Jurang Amaran Awal', mengingatkan kita bahawa setiap saat dalam menyampaikan amaran awal boleh menyelamatkan nyawa," katanya. - ©BERNAMA

Rusia, Ukraine adakan rundingan di Jeddah Ahad ini bincang gencatan senjata

JEDDAH, 23 Mac. - Rusia dan Ukraine dijangka membincangkan butiran 'gencatan senjata separa' dalam rundingan yang akan diadakan di Jeddah, Arab Saudi pada Ahad.

Rundingan itu berlangsung sehari sebelum perbincangan pakar Rusia-Amerika Syarikat yang dijadualkan di Riyadh, lapor

Nambia cipta sejarah, naib presiden wanita pertama dilantik

LUSAKA (Zambia), 23 Mac. - Presiden baharu Nambia Netumbo Nandi-Ndaitwah pada Sabtu mengumumkan barisan Kabinet pertamanya dengan melantik Lucia Witoobi sebagai naib presiden wanita pertama dalam sejarah negara itu, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Dengan pelantikan itu, Nambia kini menjadi satu-satunya negara di Afrika yang mempunyai presiden dan naib presiden wanita.

Nandi-Ndaitwah turut melantik

14 menteri, lapan daripadanya adalah wanita, serta tujuh timbalan menteri dalam satu majlis di ibu negara, Windhoek.

"Saya tidak ragu bahawa kami akan melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh rakyat Namibia," katanya.

Sementara itu, beliau berkata bahawa kementerian kerajaan diwajibkan melaksanakan program bagi membasi kemiskinan.

"Fungsi berkaitan hal ehwal

penyambungan semula perjanjian eksport bijiran Laut Hitam.

Menurut Witkoff, Setiausaha Negara Amerika Syarikat Marco Rubio serta Penasihat Keselamatan Negara Mike Waltz, akan mengetuai delegasi Washington dalam rundingan yang berlangsung di Jeddah. - ©BERNAMA

golongan terpinggir dan orang kurang upaya akan diletakkan di bawah pejabat naib presiden bagi memastikan perhatian diberikan sewajarnya," katanya, sambil meminta rakyat Namibia memberi ruang kepada Kabinetnya untuk menjalankan tugas mereka.

Antara pelantikan penting lain ialah Elijah Ngurare sebagai Perdana Menteri dan Selma Ashipala-Musavyi sebagai Menteri Hubungan Antarabangsa dan Perdagangan. - ©BERNAMA

termasuk 11 warga Australia, dilanda ombak besar di luar kabupaten Klungkung pada Jumaat, menurut I Putu Widia Ada, ketua unit operasi agensi pengurusan dan mitigasi bencana di daerah itu.

"Seorang maut ketika dikejarkan

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian berlaku. - ©BERNAMA

ke hospital di bandar Denpasar, dan dua lagi cedera," kata Ada.

I Nyoman Sidakarya, ketua pejabat mencari dan menyelamat wilayah Bali, memberitahu Xinhua bahawa pulau itu mengalami keadaan cuaca ekstrem ketika kejadian



ePaper Pelita Brunei



GP THAILAND DALAM PERBINCANGAN, KATA KETUA F1 DOMENICALI

SHANGHAI, 22 Mac. - Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Formula Satu Stefano Domenicali telah mendedahkan perbincangan lanjutan dengan Thailand untuk menganjurkan Grand Prix, menandakan cita-cita sukan itu untuk meningkatkan jejak Asia yang sambil mengimbangi pendekatan 'kualiti berbanding kuantiti' kepada kalendarnya yang sedang berkembang pesat.

Bercakap secara eksklusif kepada

Xinhua semasa hujung minggu Grand Prix China 2025, Domenicali mengesahkan bahawa Perdana Menteri Thailand, Paetongtarn Shinawatra telah menyatakan minat yang kuat untuk menganjurkan Grand Prix.

"Kerajaan Thailand, Perdana Menteri, benar-benar berminat untuk membangunkan projek. Kita harus memuktamadkan sesuatu dalam beberapa bulan akan datang," katanya sambil

menyebut rundingan itu sangat baik tetapi memberi amaran, "Saya tidak di sini untuk menjual terlalu banyak".

Prospek Thailand tiba ketika F1 bergelut dengan rekod kalendar 24 perlumba sejak musim 2024, meningkat daripada 22 pada 2021 ketika Domenicali mulamula mengambil alih. Dengan perlumba kini merangkumi lima benua termasuk tujuh di Asia, pengendali Itali itu menekankan bahawa penambahan baharu seperti Thailand memerlukan acara sedia ada untuk digilirkan atau digugurkan daripada kalendar.

"Kami tidak mahu mengharungi 24 perlumba. Ini soal bekerja dengan peluang," katanya sambil menyatakan evolusi sukan itu daripada jadual tertumpu Eropah kepada kejohanan dunia sebenar, dengan kurang daripada separuh perlumba kini diadakan di Eropah.

Domenicali menekankan tumpuan untuk menambah baik pengalaman peminat daripada jumlah yang banyak. "Kami mahu bekerjasama dengan pengajur untuk

meningkatkan kualiti. Itu sangat, sangat penting," katanya, yang falsafahnya sejajar dengan lanjutan kontrak lima tahunnya yang diumumkan baru-baru ini, memastikan kepimpinannya di F1 hingga 2029.

"Kami perlu mendapatkan khalayak baharu, dan ia adalah dalam DNA kami untuk memerhatikan kemampunan," tambahnya.

Sementara itu, grid F1 akan berkembang pada 2026 dengan Cadillac sebagai pasukan ke-11 sukan itu, disokong oleh gergasi automotif Amerika General Motors. Domenicali memuji penyertaan itu sebagai cabaran yang besar dan sukar tetapi penting untuk inovasi.

"Cadillac, salah satu pengeluar terbesar dalam industri automotif dalam persaingan kami, membawa teknologi dan kapakaran. Ia memberi manfaat kepada sukan kami," katanya, walaupun dia menolak penambahan pasukan lagi. "Kami perlu mengusahakan kualiti lebih daripada kuantiti". - ©XINHUA



PENONTON menyaksikan kelayakan pecut Formula 1 Grand Prix China di Litar Antarabangsa Shanghai di Shanghai timur China.

Tiada lagi wakil Malaysia di Terbuka Swiss 2025

KUALA LUMPUR, 22 Mac. - Kempen Malaysia di badminton Terbuka Swiss 2025 tamat pada Jumaat, lepas wakil terakhir negara iaitu pasangan beregu campuran profesional, Goh Soon Huat-Shevon Lai Jemie, terkeluar pada peringkat suku akhir.

Pasangan pilihan utama kejohanan itu gagal memberikan yang terbaik, kalah dalam dua set kepada pasangan pilihan kelapan dari Thailand, Dechapol Puavaranukroh-Supissara Paewsampran pada kejohanan Super 300 berlangsung di St. Jakobshalle, Basel.

Pasangan ke-13 dunia itu hanya memerlukan 34 minit untuk menewaskan

Soon Huat-Shevon, 21-18, 21-10.

Dengan kemenangan ini pasangan Dechapol-Supissara telah menang tiga daripada lima perlawanan mereka sejak kali pertama bertemu pada Terbuka Artik 2024 di Finland.

Dechapol-Supissara akan bertemu Feng Yan Zhe-Wei Ya Xin hari ini pada peringkat separuh akhir selepas pasangan pilihan kelima kejohanan dari China itu mengalahkan pasangan Perancis Thom Gicquel-Delphine Delrue 21-18, 21-16.

Terbuka Swiss menawarkan hadiah keseluruhan AS\$250,000 (kira-kira RM1.11 juta). - ©BERNAMA

Pang Ron-Su Yin perlu lebih berani, garang – Peng Soon

KUALA LUMPUR, 23 Mac. - Pasangan beregu campuran meningkat naik negara Hoo Pang Ron-Cheng Su Yin perlu memiliki karakter berani dan bermain lebih garang seandainya mahu melangkah lebih jauh pada masa depan.

Bekas pemain badminton negara Chan Peng Soon berkata pasangan ke-14 dunia itu perlu mencontohi karakter dimiliki rakan senegara Chen Tang Jie-Toh Ee Wei sehingga berjaya muncul antara pasangan terbaik dunia ketika ini.

"Mereka (Pang Ron-Su Yin) masih perlu kerja keras dan lebih matang, mereka mungkin bukan gandingan yang baik di Malaysia pada masa ini, tapi di masa depan kita tidak tahu."

Jangan terlalu awal putus asa, kerana masih ada peluang. Mereka perlu konsisten dan lebih berani sekali gus dapat bina keyakinan diri dalam gelanggang, itu sangat penting," katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Pang Ron-Su Yin mengalami musim yang kurang menentu setakat ini apabila hanya mara ke suku akhir sebanyak dua kali daripada tujuh kejohanan disertai.

Pencapaian terbaik mereka sejak digandingkan pada 2023 adalah muncul naib juara China Masters 2024 selepas tumpas kepada gandingan tuan rumah Feng Yan Zhe-Huang Dong Ping 23-21, 23-25, 16-21.

Sementara itu pemenang pingat perak Sukan Olimpik Rio 2016 itu menyifatkan apa dilalui Tang Jie-Ee Wei susulan prestasi hambar mereka selepas tersingkir awal pada dua kejohanan Eropah sebelum ini adalah perkara biasa dialami mana-mana pasangan.

Peng Soon berkata beliau serta bekas gandingannya Goh Liu Ying juga sering berselisih faham sebelum ini, namun mereka melihat situasi tersebut sebagai salah satu cara untuk mematangkan pemikiran mereka di atas gelanggang.

"Saya dan Liu Ying selalu gaduh dahulu tetapi ada bagusnya kerana kami akan cuba cari penyelesaian untuk mara. Memang perselisihan faham dengan pasangan regu adalah perkara biasa, prestasi ada naik turunnya," katanya.

Spekulasi kini bertiup kencang sama ada terdapat persengketaan antara pasangan keempat dunia itu apabila Ee Wei memadam semua gambar bersama Tang Jie di laman Instagram baru-baru ini selepas mereka tersungkur di pusingan pertama Seluruh England 2025.

Tang Jie-Ee Wei tunduk kepada pasangan Indonesia Rehan Naufal Kusharjanto-Gloria Emanuelle Widjaja, 21-18, 20-22, 11-21, dalam kejohanan tertua badminton dunia yang berlangsung di Birmingham. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TINGKATKAN AMAL IBADAH TERUTAMA SEKALI DI 10 HARI TERAKHIR DI BULAN RAMADAN